

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III

Bil.56

Hari Selasa

28 Oktober 1997

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1998 (Ruangan)

USUL:

Anggaran Pembangunan 1998 (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan,
Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan
Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin
Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar
Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri,
Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud
bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P.,
P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah,
D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan
Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S.,
J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn,
D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan
Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting
D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K.
Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P.
(Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji
Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr.
Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N.,
A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T.
(Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S.,
A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P.
(Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.
(Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S.
(Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M.,
P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu
Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)

- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)

- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)

- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)

- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)

- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)

- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)

- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)

- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)

- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.
(Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,
A.S.D.K., P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 28 Oktober 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

CAJ TEMPAT MELETAK KERETA DI HOTEL-HOTEL TEMPATAN

1. Tuan Lim Siang Chai [Petaling Jaya Selatan] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apa sebabnya DBKL tidak berkuasa mengawal caj-caj pihak swasta yang mengendalikan tempat meletak kereta, umpamanya hotel-hotel tempatan; dan
- (b) adakah DBKL sedar bahawa kebanyakan hotel tempatan telah mengenakan caj yang keterlaluan kepada pengguna tempat meletak kereta premis mereka dengan tujuan mengaut keuntungan semata-mata.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menyedari bahawa terdapat pengusaha-pengusaha tempat letak kereta persendirian seperti di hotel-hotel telah mengenakan caj meletak kereta yang agak tinggi.
- (ii) Sehubungan dengan itu, Dewan Bandaraya (DBKL) telah menggubal undang-undang yang memberi kuasa kepada

Datuk Bandar untuk mengawal dan menentukan caj-caj letak kereta di tempat-tempat letak kereta persendirian dan undang-undang berkenaan telah pun diwartakan pada 28 Ogos 1997. DBKL pada masa ini sedang mengkaji undang-undang itu untuk menetapkan jadual pembayaran yang membolehkan pihak penguatkuasa dapat melaksanakan peruntukan undang-undang berkenaan secepat mungkin.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat mengenai caj pembayaran tempat letak kereta yang dimiliki oleh Dewan Bandaraya sendiri iaitu parking bermeter, kita dapati bahawa caj-cajnya dibuat dengan kadar yang berlainan. Jadi, saya ingin tahu adakah DBKL akan juga mengambilkira perkara ini untuk menyelaraskan seluruh pembayaran parking bermeter ini kepada satu standard yang lebih munasabah.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah itu yang akan dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya, malahan Dewan Bandaraya telah pun menetapkan beberapa kadar bayaran kereta bermeter di seluruh Kuala Lumpur sebab seperti yang dikatakan Yang Berhormat sekarang kadar bayaran tidak tentu di kawasan setengah mahal dan setengah murah, setengah dicaj 1/2 jam dan setengah dicaj 15 minit, setengah caj 1 jam dan sebagainya. Kadar yang telah ditetapkan dan belum dilaksanakan, walau bagaimanapun akan dilaksanakan iaitu kawasan pusat perdagangan (pusat bandar) iaitu di lengkungan Jalan Tun Razak dan sebagainya ialah RM2.50 setiap jam. Kawasan perdagangan luar pusat bandar iaitu RM2.00 setiap jam. Kawasan perumahan ialah RM1.00, kawasan taman dan rekreasi ialah 50 sen setiap jam dan kita bercadang untuk menambahkan juga tempat-tempat letak kereta di pusat atau di tempat-tempat di mana menjadi stesen LRT.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tempat meletak kereta di kawasan-kawasan rumah kediaman ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri barangkali boleh memberi penjelasan sekarang

ini di setengah-setengah kawasan perumahan di sebelah Bukit Damansara, kawasan letak kereta ini bukan sahaja di setengah tempat itu tidak diletak kereta, tetapi dipenuhi dengan sampah-sarap. Ini adalah akibat daripada apabila Bandaraya ini bertukar urusan memungut sampah kepada syarikat swasta, jadi nampaknya sehinggakan tempat-tempat meletak kereta pun banyak diletak sampah.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Memang kita sedar. Ini tidak betullah, tempat letak kereta mesti letak keretalah, kalau mungkin dianggap keretanya sampah saya tidak tahulah.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Takkah tak tahu mana sampah!

NYAMUK AEDES - BILANGAN TEMPAT AWAM YANG DIKENAL PASTI

2. Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilangan tempat awam yang sudah dikenalpasti seperti sekolah, tapak-tapak perumahan, kilang-kilang dan sebagainya yang kotor dan menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes; dan
- (b) bilangan kompaun yang telah dikeluarkan terhadap pihak yang dikesan membiarkan nyamuk aedes membiak di premis mereka.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dari bulan Julai hingga September 1997 pihak berkuasa tempatan telah menjalankan sebanyak 785,633 pemeriksaan di seluruh negara ke atas tempat-tempat yang disyaki menjadi sasaran pembiakan nyamuk. Daripada bilangan keseluruhan pemeriksaan tersebut 11,450 tempat

telah didapati positif dengan pembiakan nyamuk aedes.
Ini termasuk kawasan awam.

- (b) Bilangan kompaun yang telah dikeluarkan kepada penghuni premis yang didapati membiarkan tempat mereka menjadi sasaran pembiakan nyamuk aedes ialah sebanyak 6,289 dengan kompaun RM227,964 yang telah dikutip.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya banyak tempat yang telah pun diperiksa oleh pihak kerajaan. Namun begitu ada tempat-tempat lain yang kemungkinan besar membiak nyamuk sebab tempat itu kotor, terutama sekali di segi stesen-stesen minyak, kita dapati banyak tandas di stesen minyak begitu kotor dan tidak terjaga dan kemungkinan tempat-tempat ini boleh membiak nyamuk aedes. Jadi adakah pihak kerajaan pernah membuat tindakan supaya memeriksa tandas-tandas di stesen-stesen minyak. Tandas-tandas di di stesen minyak yang nampak bersih pun ialah stesen minyak bagi lebuh raya ataupun PLUS, sebab itu barangkali PLUS hendak naikan tol. Jadi, saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya bukan sahaja tandas-tandas di stesen-stesen minyak bahkan di semua tandas termasuk di sekolah-sekolah adalah menjadi sasaran di mana pihak berkuasa tempatan diarahkan membuat pemeriksaan. Kalau Yang Berhormat masih ingat ada satu tempat di mana tandas yang dikawal oleh IWK sendiri telah ditegur di mana berlakunya sedikit sebanyak persoalan dan jawapan antara dua pihak kerajaan dengan IWK.

Tuan Lim Hock Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kementerian akan mengharamkan secara rasmi pihak-pihak swasta yang menjalankan fogging, memandangkan fogging yang dijalankan oleh pihak-pihak swasta akan membawa risiko iaitu memperkuatkan daya tahan nyamuk aedes, memudaratkan kesihatan manusia dan juga mengaut keuntungan yang berlebihan.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada keputusan untuk hendak memberhentikan fogging sama ada secara swasta ataupun tidak. Tetapi kalau apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu benar pihak kementerian akan mengambil ingatan dan perhatian.

CREDIT SEARCH REPORT - REKOD DIPEROLEHI

3. Tuan Haji Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun) minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kementerian sedar rekod yang diperolehi daripada “Credit Search Report” adakalanya tidak betul dan memberi banyak masalah dan kesulitan kepada bakal peminjam kepada bank-bank dan institusi kewangan terutama peminjam yang pernah ada kes-kes lama sebagai peminjam dan penjamin di mana kes telah selesai tetapi mengikut “Credit Search Report” masih kekal tanpa pindaan atau pembedulan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, maklumat kredit ataupun “Credit Search Report” biasanya dibekalkan oleh syarikat-syarikat persendirian yang mengumpul dan memperolehi maklumat melalui dokumen-dokumen awam, surat khabar dan penyiasatan syarikat itu sendiri. Antara lain Syarikat Credit Search bertujuan menyenaraikan kenderaan atau mesin yang mempunyai masalah pembiayaan berganda, memberi maklumat kredit asas mengenai peminjam atau penjamin serta menyediakan senarai orang-orang di bawah tindakan kebangkrapan dan diisytiharkan bankrap. Institusi-institusi kewangan melanggan maklumat bebas daripada syarikat tersebut untuk membantu mereka memproses permohonan pinjaman. Institusi kewangan pada amnya akan memaklumkan kepada pelanggan-pelanggan mereka akan kesahihan maklumat yang mereka perolehi daripada Credit Search Report. Bakal peminjam wajar memberi bukti kepada institusi-institusi kewangan apabila mendapati rekod-rekod kredit tidak dikemaskini oleh syarikat-syarikat pembekal rekod kredit.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini berapa bilangan syarikat yang dibenarkan menjalankan tugas menyediakan Credit Search Report ini dan sekiranya di dalam laporan mereka terdapat kesilapan material, apakah tindakan yang boleh diambil terhadap

syarikat-syarikat ini dan setakat ini berapa banyak kes yang telah dihukum bersabit dengan kesalahan yang saya sebutkan tadi?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Credit Search ini adalah ditubuhkan di bawah Registrar of Companies dan mereka adalah sama taraf dengan lain-lain syarikat sendirian berhad dan tidak ada had yang ditentukan oleh kerajaan atau mana-mana agensi kerajaan untuk mereka ditubuhkan. Yang saya tahu ada tiga atau empat syarikat yang membuat kerja begini dan boleh dikatakan kesemua mereka itu dipunyai oleh badan-badan yang mempunyai kepentingan di dalam memberi kredit. Misalannya Financial Information Services (FIS) Sdn. Bhd. dimiliki oleh Association of Finance Companies and Association of Higher Purchase Companies of Malaysia . Jadi mereka mempunyai kepentingan dan mereka menubuhkan syarikat ini untuk tujuan memberi maklumat kepada mereka ke atas pelanggan-pelanggan dan peminjam-peminjam syarikat-syarikat yang di bawah kelolaan persatuan ini.

Mengenai dengan kesalahan-kesalahan, setakat ini tidak ada lagi kompelin dan saya tidak dapat memberi berapa bilangan kes-kes yang telah diambil tindakan.

Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan tidak bercadang supaya Bank Negara mengambil alih tugas ini supaya peminjam bank dan institusi kewangan akan lebih confidence, dengan izin dengan rekod credit worthiness) seseorang.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini saya fikir belumlah sampai masanya untuk Bank Negara untuk mewujudkan satu lagi unit untuk mengenalpasti kewibawaan ataupun kredibiliti (credit worthiness) sesuatu syarikat itu. Apa yang dilakukan oleh syarikat bebas ataupun yang dipunyai oleh persatuan-persatuan ini telah pun memadai dan sepertimana yang saya katakan tadi bahawa jikalau seseorang bakal peminjam itu mempunyai masalah iaitu maklumat yang diberikan kepada bank oleh syarikat ini tidak berkenaan ataupun tidak sama dengan maklumat sebenar,

maka terletaklah kepada bakal-bakal peminjam ini membawa maklumat yang betul kepada bank. Jadi, setakat ini kita belum lagi sampai kepada tahap di negara maju, yang mana kerajaan mewujudkan satu akta untuk memastikan bahawa ketelusan (full disclosure) dijalankan. Mungkin disatu hari nanti apabila pasaran modal kewangan kita membesar mungkin kehendak itu akan meningkat dan mungkin kerajaan akan mewujudkan akta. Pada masa ini belum lagi ada keperluan seperti itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Dr. Sanusi bin Daeng Mariok.

[Soalan No. 4 - Y.B Dr. Sanusi bin Daeng Mariok [Rantau Panjang] tidak hadir]

GERAKAN FAHAMAN SYIAH - PERKEMBANGAN MUTAKHIR

5. Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing] minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah perkembangan mutakhir gerakan fahaman syiah di negara kita pada masa ini. Apakah benar fahaman ini menjadi pegangan sesetengah kakitangan kerajaan seperti Pensyarah di Universiti. Jika benar, berapa bilangannya dan sejauh manakah keberkesanan tindakan kerajaan setakat ini dalam membendung fahaman ini dari merebak.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, fahaman dan gerakan syiah di Malaysia kini berkembang secara senyap. Pada mulanya ia hanya dikesan di negeri seperti Wilayah Persekutuan, Selangor, Kelantan dan Johor tetapi kini telah menular ke negeri-negeri lain. Kesan daripada gerakan syiah ini segelintir daripada masyarakat Islam berbagai golongan dan latar belakang telah terpengaruh.

Kerajaan melalui 'Pasukan Bertindak' (Task Force) yang dianggotai oleh beberapa agensi telah dan sedang melaksanakan beberapa tindakan seperti penerbitan risalah, penyelarasan enakmen, mengadakan majlis taklimat dan kursus kepada pegawai-pegawai kerajaan, guru-guru dan para pelajar termasuk yang berada di luar negara mengenai syiah yang bertentangan dengan Ahli Sunah Wal- Jamaah.

Usaha-usaha ini antaranya telah melahirkan kesedaran di kalangan umah dan meningkatkan keprihatinan berbagai pihak. Manakala kegiatan dan aktiviti gerakan kumpulan ini dilakukan lebih berhati-hati.

Kerajaan juga sentiasa berusaha memastikan hanya pegangan kepada ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah sahaja menjadi pegangan umat, manakala ajaran lain yang bercanggah dilarang dan disekat di kalangan umat Islam di negara ini.

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah perbezaan-perbezaan pokok di antara fahaman syiah dengan sunni dan bolehkah Yang Berhormat menyatakan sekurang-kurangnya lima perbezaan pokok itu tadi, antara syiah dengan sunni sehingga boleh kita berkerjasama menghapuskan fahaman itu sampai ke akar umbi.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, perbezaan pokok di antara syiah dengan sunni memang banyak. Saya boleh sebut lebih daripada lima. Saya memang ada buku khas mengenai syiah ini, bolehlah saya beri, tentukan hari, kita boleh buat kuliah di pejabat saya untuk mendalami mengenai dengan syiah. Saya tahu yang bertanya pun sengaja hendak bertanya, sebenarnya dia tahu, tetapi hanya hendak mengukur setakat mana yang saya tahu. *[Ketawa]*

Sebelum saya menjawab secara khusus, saya sukalah menjelaskan secara keseluruhannya bahaya ahli syiah ini. Sebenarnya ajaran syiah pada hakikatnya adalah satu ajaran yang dirancang dan disusun sekian lama oleh musuh-musuh Islam, bertujuan untuk menjatuhkan Islam itu supaya bukan merupakan satu agama yang menyeluruh dianuti di dunia, bahkan mereka hendak membawa syiah itu lebih daripada Islam itu sendiri.

Pengasas agama syiah ini sebenar pada mulanya memang orang Yahudi. Orang Yahudi ini memang tabiatnya dari dahulu sampai sekarang pun bukan sahaja dia hendak menghapuskan Islam itu sendiri, bahkan di antaranya termasuklah hendak menjatuhkan kedudukan ekonomi bangsa lain dan agama lain di seluruh dunia dan orang Yahudi memang dalam protokolnya berniat

untuk menjadi empayar yang besar di dunia dan menakluki seluruh dunia dan juga orang Yahudi bahkan menghalalkan harta selain daripada harta orang Yahudi adalah halal untuk dirampas. Inilah juga yang diambil oleh syiah. Sebenarnya syiah ini adalah diperalatkan oleh orang Yahudi sejak dahulu lagi. Jadi, dengan itu di antaranya memang telah jelas bertentangan dengan Islam itu sendiri. Itu secara keseluruhan.

Saya malashlah hendak menyebut yang mengatakan seorang lelaki syiah boleh kahwin lebih daripada empat orang serentak sehingga boleh kepada 1,000 orang, bahkan orang perempuan boleh menyewa hak harta orang perempuan itu kepada siapa yang hendak. Mereka mengatakan bahawa penyembelihan ahli sunnah tidak halal di sisi syiah, ini agaknya orang PAS ikut. Saya minta maaf kalau saya menyebut, tetapi adalah di antara perkara ini yang diikuti oleh orang-orang tertentu. Jadi, banyaklah lagi yang dia mengatakan bahawa orang yang lain daripada syiah adalah 'anak zina' dan sebagainya. Itu secara detailah sedikit, tetapi pada keseluruhannya mereka ini adalah diperalatkan oleh orang Yahudi untuk menghapuskan Islam. Mereka mahu syiah ini hidup di atas muka bumi bukannya Islam, itulah hakikat sebenarnya. Jadi, kalau kita lihat daripada sini, memang syiah ini merbahaya kepada akidah, bahaya kepada syariah, bahaya kepada akhlak dan bahaya kepada ummah dan juga bahaya kepada negara.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Dato' Setiausaha Parlimen, banyak kepercayaan yang dianggap tidak diterima oleh kerajaan kita, seperti syiah, tabliq yang menyeleweng dan seumpamanya telah menggunakan institusi-institusi sekolah dan universiti untuk menyebarkan kepercayaan mereka dan juga menggunakan surau dan masjid sebagai satu platform mereka. Perkara ini bukan sahaja di Semenanjung tetapi sudah menular ke Sarawak.

Soalan saya apakah tindakan kerajaan supaya pengajaran yang tidak diterima ini jangan menjadi satu aktiviti songsang pihak yang berkenaan untuk menyebarkan kepercayaan mereka ke seluruh rakyat Malaysia.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Memang saya sudah nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah menular bukan sahaja di negeri-negeri yang saya sebutkan tadi, bahkan di tempat-tempat yang lain. Sebab itulah ada di antara kerajaan telah mengambil keputusan mewartakan bahawa pertama, adalah ditetapkan bahawa semua orang Islam di negara berkenaan hendaklah berpegang kepada ajaran Islam yang berdasarkan kepada ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Jika berpegang selain dari ajaran ini adalah salah. Wilayah Persekutuan, negeri Pulau Pinang dan Melaka sudah mewartakan perkara ini.

Yang kedua, mengatakan bahawa orang Islam selain berpegang daripada berpegang ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah adalah bercanggah dengan kehendak syarak dan adalah dilarang.

Yang ketiga, penyiaran berita melalui risalah dan sebagainya, ceramah dan sebagainya, berita itu hendaklah hanya dengan menyebarkan ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah, kalau sekiranya ajaran selain daripada itu adalah dilarang dan salah. Ini kita mengharapkan semua negeri mewartakan perkara ini apabila ada dalam warta, jadi senanglah kita untuk menangkap siapa sahaja yang membuat ajaran selain daripada Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Kita juga ada task force yang terkandung daripada beberapa kementerian dan jabatan, seperti Kementerian Dalam Negeri, polis, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Jabatan Agama Negeri Selangor, JAKIM dan sebagainya, semua bekerjasama untuk mengesan siapa yang mengikut ajaran ini. Apabila kita ketahu kita akan berjumpa dengan mereka, kita panggil mereka bukannya untuk berdialog, kita hanya one way, sebab berdialog memanglah, kalau orang sudah menyeleweng, jika kita berdialog macam mana pun mereka sukar untuk meninggalkan daripada pegangan tersebut, serupa orang PAS juga tetap dengan fahaman mereka. Jadi, kita mengatakan negara kita adalah memegang ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Kalau memegang selain daripada ajaran ini, kerajaan akan bertindak. Ini selalunya kita memberi penjelasan kepada mereka yang cuba mengikuti pegangan selain daripada Ahli Sunah Wal-Jamaah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw.

[Soalan No. 6 - Y.B. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] tidak hadir]

SUKAN KOMANWEL XVI - PERSEDIAAN ATLET

7. Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) adakah kerajaan bersedia, adakah atlet bersedia, adakah perkhidmatan awam (seperti Kastam, Imigresen, Polis, pegawai DBKL, teksi, limousin servis, pegawai sukan, badan-badan persatuan sukan) dan rakyat Malaysia bersedia untuk menyambut Kuala Lumpur 98, Sukan Komanwel XVI; dan
- (b) adakah kementerian sedar yang badan-badan Kuala Lumpur 98, Sukan Komanwel XVI seperti hadiah-hadiah buah tangan, cenderahati, cederamata, dan sebagainya masih belum dipasarkan dengan meluas. Adakah kementerian bercadang untuk meminta Sukom 98 Sdn. Bhd., untuk memperkenalkan konsep pemasaran dan pengeluaran terbuka semua bahan-bahan Kuala Lumpur 98, Sukan Komanwel XVI ini supaya boleh menjadi galakan dan promosi kepada masyarakat setempat dan luar negeri lebih meluas.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini dengan soalan Yang Berhormat dari Kemaman iaitu soalan ke 15 pada hari ini sekali gus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya.

Dato' Loke Yuen Yow: Agaknya jawapan panjang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, persediaan latihan atlet yang bakal mewakili negara di Sukan Komanwel tahun 1998 nanti dibahagikan kepada empat fasa latihan. Sekarang ini mereka telah berada di Fasa III. Dalam dua bulan terakhir iaitu bermula 27 Oktober hingga 2 Disember 1997 penilaian kepada program Fasa III akan dilakukan oleh jawatankuasa kerja setiap persatuan

sukan dan seterusnya merancang program lajihan Fasa IV iaitu fasa terakhir latihan.

Sukan SEA XIX baru sahaja selesai diadakan di Jakarta Indonesia. Kejohanan dwi tahunan ini merupakan landasan untuk menilai prestasi atlet-atlet Sukan Komanwel negara serta kesediaan mereka untuk menghadapi Sukan Kuala Lumpur '98 iaitu Sukan Komanwel XVI.

Sebanyak 56.4% daripada Atlet Program Jaya '98 telah turut bertanding iaitu seramai 185 orang daripada 328 orang kesemuanya dalam 15 disiplin sukan. Atlet yang lain seramai 143 (43.6%) orang tidak menyertai kejohanan tersebut kerana sukan-sukan mereka tidak dipertandingkan di Sukan SEA kali ini seperti Lawn Bowls, Kriket, Ragbi dan Bola Jaring ataupun melebihi kuota penyertaan yang dibenarkan.

Penyertaan atlet-atlet Program Jaya '98 di Sukan SEA merupakan sebanyak 33.88% sahaja daripada keseluruhan atlet dalam kontinjen negara yang berjumlah 546 orang kesemuanya. Sungguhpun penyertaan mereka kecil, namun mereka adalah penyumbang pingat emas yang besar iaitu sebanyak 43 (78.18%) daripada 55 pingat emas yang berjaya dikutip oleh atlet negara. Punggutan 55 pingat emas itu telah melepasi sasaran iaitu 50 pingat emas yang telah ditetapkan oleh Majlis Sukan Negara dan ini merupakan punggutan terbaik pernah dibuat dalam Sukan SEA yang diadakan di luar Kuala Lumpur.

Sebanyak 16 rekod Sukan SEA telah diperbaharui oleh pemenang pingat emas kita serta tiga rekod Sukan SEA berjaya dipecahkan oleh pemenang pingat perak negara. Daripada jumlah ini sebanyak 14 rekod yang diperbaharui dan tiga rekod yang dipecahkan oleh pemenang pingat perak negara adalah datangnya daripada atlet Program Jaya '98. Dua rekod dalam acara Tenpin Bowling adalah juga melebihi catatan rekod dunia manakala satu rekod dari sukan menembak telah memperbaharui catatan rekod Asia.

Dalam Sukan SEA kali ini, Tuan Yang di-Pertua, sukan badminton tidak menyumbangkan sebarang pingat emas. Ini disebabkan beberapa pemain yang terbaik daripada acara lelaki dan wanita tidak dapat turut serta kerana

kecederaan ataupun persekolahan. Taraf permainan ini dalam Sukan SEA adalah lebih tinggi daripada Sukan Komanwel. Sukan badminton adalah di antara beberapa sukan yang diletakkan dalam sasaran untuk mendapat pingat emas di Sukan Komanwel 1998 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Atlet Program Jaya ini telah menjalani latihan sepenuh masa baru selama hampir dua tahun lapan bulan yang bermula 1 April 1995. Sebelum itu mereka menjalani latihan secara sambilan di pusat-pusat latihan di seluruh negara. Dalam menjalani latihan sepenuh masa bersistematik yang agak singkat ini, para atlet ini telah menunjukkan peningkatan yang positif, adalah diyakini peningkatan ini akan berterusan di dalam Fasa IV pula agar mereka akan dapat bertanding di Sukan Komanwel tahun depan dengan lebih berkualiti.

Negara telah membahagikan 19 disiplin sukan yang akan dipertandingkan di Sukan Kuala Lumpur 1998 kepada 3 kategori iaitu:

- kategori untuk mendapat pingat dalam sukan-sukan tertentu sahaja;
- kategori untuk bertanding dalam peringkat pusingan akhir, separuh akhir dan memperbaharui rekod kebangsaan masing-masing; dan
- kategori penyertaan dengan lebih kompetitif kerana sebagai tuan rumah seboleh-bolehnya akan bertanding dalam semua acara.

Setelah Sukan SEA tahun ini selesai dan prestasi atlet-atlet dari Program Jaya '98 iaitu atlet ke arah Sukan Komanwel tahun hadapan menunjukkan kecemerlangan, maka adalah petanda bahawa Program Latihan yang disediakan telah menunjukkan kejayaan. Kejayaan ini juga akan menguatkan semangat atlet-atlet, jurulatih-jurulatih, Persatuan Sukan Kebangsaan dan Majlis Sukan Negara berusaha dengan lebih giat dalam melengkap dan menghadapi sukan kedua terbesar di dunia pada tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, agensi-agensi kerajaan yang turut terlibat dalam persiapan Kuala Lumpur '98 telah mula bersiap sedia menjalankan tugas-tugas yang diberikan kepada mereka umpamanya:

- (i) Segala urusan berkaitan dengan imigresen dan kastam diletakkan di bawah Jawatankuasa Sokongan Perkhidmatan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri.
- (ii) Pihak imigresen telah memaklumkan bahawa lorong khas akan disediakan untuk para peserta dan pegawai-pegawai pasukan di pintu masuk Lapangan Terbang KLIA di Sepang. Untuk mengatasi masalah kekurangan anggota, jika berlaku, mereka telah bersedia untuk membawa pegawai-pegawai imigresen dari luar Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang.
- (iii) Begitu juga dengan Jabatan Kastam, mereka akan menyediakan laluan khas secukupnya untuk pemeriksaan dan pegawai-pegawai kastam dari luar akan dibawa untuk menangani kekurangan anggota di Lapangan Terbang KLIA di Sepang.
- (iv) Jawatankuasa Pengangkutan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan telah pun mengenalpasti keperluan pengangkutan awam dan pengangkutan “Games Family” iaitu atlet, pegawai-pegawai teknikal, pegawai-pegawai Persekutuan Sukan Komanwel dan sebagainya. Jawatankuasa juga telah mencadangkan pembekalan bas-bas ‘shuttle’ dari beberapa kawasan di persekitaran Kuala Lumpur untuk memudahkan pengangkutan orang awam ke venue-venue pertandingan.
- (v) Pihak Polis Di Raja Malaysia yang bertanggungjawab ke atas keselamatan dan trafik telah pun mengatur program-program keselamatan seperti penilaian keselamatan, tapisan keselamatan, kawalan keselamatan di semua venue

dan perkampungan sukan dan keselamatan VIP. Pihak polis juga telah menjadikan Pusat Kawalan Kontinjen Kuala Lumpur di Jalan Hang Tuah sebagai pusat operasi utama keselamatan dan trafik semasa Kuala Lumpur '98. Pusat ini dijaringi dengan Pusat Kawalan Kontinjen Selangor dan Kontinjen Kedah memandangkan bahawa Langkawi adalah juga venue untuk acara menembak.

- (vi) Untuk memastikan organisasi sukan berjalan lancar, maka Jawatankuasa Sukan dan Persediaan serta Pegawai-pegawai teknikal telah mengenalpasti bilangan pegawai-pegawai yang diperlukan latihan untuk meningkatkan tahap kecekapan mereka. Badan-badan sukan juga turut terlibat dalam memastikan mutu kepegawaian adalah setanding dengan pengelolaan sukan setaraf dunia.

Jumlah pegawai teknikal yang diperlukan untuk Kuala Lumpur '98 - Sukan Komanwel XVI adalah 398 orang pegawai luar negeri dan 860 pegawai tempatan.

Rancangan latihan pegawai teknikal tempatan seperti yang dilancarkan pada tahun 1994 telah dan sedang berjalan khususnya untuk menaik taraf pegawai-pegawai yang dilantik dapat menjalankan tugas dengan cemerlang atau setaraf dengan pegawai antarabangsa.

Sehingga bulan September tahun ini seramai 1,460 orang telah dilatih di dalam negeri sementara 190 orang telah menjalani latihan pendedahan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, semua pegawai yang dilantik untuk jawatan khususnya, adalah berkelayakan antarabangsa dan diiktiraf oleh Persekutuan Sukan Antarabangsa masing-masing. Pegawai-pegawai tempatan

yang mempunyai sekurang-kurangnya kelayakan bertaraf nasional juga dipertimbangkan untuk bertugas sebagai pegawai teknikal.

- (b) Kementerian sedar bahawa bahan-bahan Kuala Lumpur '98 seperti hadiah-hadiah dan cenderamata masih belum dipasarkan dengan meluas. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pihak Sukom Ninety Eight Berhad telah melesenkan 23 buah syarikat sebagai Pelesen Rasmi untuk mengeluarkan 450 jenis barang produk Kuala Lumpur '98.

Masalah yang timbul ialah barang-barang tersebut tidak dipasarkan dengan meluas oleh kerana syarikat yang dilantik oleh Sukom Ninety Eight Berhad sebagai franchise produk-produk tersebut gagal menjalankan tugasnya kerana menghadapi masalah dalaman. Syarikat tersebut sepatutnya menubuhkan 'Sukom Shoppes' di seluruh negara sebagai 'outlet' biayai Kuala Lumpur '98.

Menteri Belia dan Sukan selaku Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Kuala Lumpur '98 telah mengarah Sukom Ninety Eight Berhad supaya mengatasi masalah ini dengan segera supaya tidak menjejaskan pasaran dan juga promosi sukan ini.

Berbangkit daripada arahan tersebut pihak Sukom Ninety Eight Berhad akan melancarkan semula 'Sukom Shoppes' tidak lama lagi melalui sebuah konsortium yang ditubuhkan sendiri oleh semua pelesen-pelesen rasmi yang

terlibat. Lokasi-lokasi 'Sukom Shoppes' ini telah juga dikenalpasti.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, saya ingat jawapan sudah cukup detail Yang Berhormat. Kita beri peluang kepada soalan lain pula.

SUKAN KOMANWEL XVI - PERSEDIAAN JPJ BAGI MELICINKAN PERJALANAN KPA DAN KENDERAAN PERSENDIRIAN

8. Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah persediaan JPJ ke arah melicinkan perjalanan KPA dan kenderaan persendirian menjelang dan semasa Kuala Lumpur '98, Sukan Komanwel XVI dan adakah suatu program khas disusun atau jawatankuasa yang dibentuk bagi mengendalikan pengangkutan peserta-peserta sukan serta penonton sukan berkenaan telah dibentuk; dan
- (b) selepas bahagian teknik dan pemeriksaan serta pendaftaran perlesenan kenderaan JPJ diswastakan apakah ada bahagian-bahagian lain JPJ akan diswastakan, jika benar apakah sebenarnya imej JPJ selepas ini, jika tidak apakah langkah lanjut ke arah mengekalkan fungsi jabatan berkenaan

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee

Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta maaf sebab jawapan yang saya akan beri agak panjang sedikit. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya.

Tuan Chor Chee Heung: Tidak apalah mungkin.....

Seorang Ahli: This time tidak apa.

Tuan Chor Chee Heung: tidak payah beri soalan tambahanlah.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Terdapat dua jenis pengangkutan akan disediakan menjelang dan semasa Sukan Komanwel XVI atau Kuala Lumpur '98 berlangsung. Pengangkutan bagi ahli keluarga sukan (games family members) yang terdiri daripada para atlet, pegawai-pegawai dan wartawan akan diuruskan sendiri oleh Sukom Sdn. Bhd. Sementara Jawatankuasa Pengangkutan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan, dengan ahli-ahlinya terdiri daripada wakil-wakil agensi kerajaan seperti Polis Di Raja Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, KTMB dan lain-lain wakil pihak swasta seperti LRT, bas dan teksi akan hanya membantu pihak Sukom jika dikehendaki untuk mendapatkan kenderaan pengangkutan awam yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, di antara persediaan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Pengangkutan menjelang Sukom Komanwel XVI adalah seperti berikut:

- (i) menggalakkan penonton-penonton ke Kompleks Sukan Bukit Jalil (Yang merupakan venue utama Sukan Komanwel) dengan menggunakan kenderaan

awam khususnya LRT yang boleh mengangkut seramai 24,000 penumpang dalam masa satu jam bagi satu laluan;

- (ii) menyediakan tempat letak kereta pegawai tambahan bagi Kompleks Sukan Bukit Jalil di Kelab Lumba Kuda Selangor yang boleh memuatkan sebanyak 6,000 petak letak kereta dan 2,000 motosikal dan dibekas kem pelarian Vietnam yang boleh memuatkan 5,000 petak letak kereta dan 2,000 motosikal;
- (iii) mengadakan perkhidmatan bas secara 'shuttle', dengan izin ke Kompleks Sukan Bukit Jalil dari Kelab Lumba Kuda Selangor, bekas kem pelarian Vietnam, stesen-stesen LRT, KTM Komuter, Bandar Tasik Selatan dan keretapi Serdang; dan
- (iv) mewujudkan perkhidmatan bas secara 'shuttle' dan menjadual semula laluan perjalanan bas daripada beberapa 'pick-up points', dengan izin di Bandaraya Kuala Lumpur ke tempat-tempat pertandingan di kawasan Bukit Jalil dan lain-lain tempat pertandingan di luar kawasan Bukit Jalil.
- (v) dari segi perkhidmatan bas pula. Perkhidmatan bas di Bandaraya Kuala Lumpur dan bandar-bandar

sekitarnya akan dapat dipertingkatkan sehingga bulan September 1998. Syarikat Intrakota dan Park May Berhad yang mengendalikan khidmat bas di bandaraya masing-masing akan mempunyai 1,409 buah bas. Dengan bertambahnya bilangan bas-bas ini perkhidmatan akan dapat dipertingkatkan.

(vi) perkhidmatan teksi-teksi dan juga limousin, untuk memendekkan jawapan; bagi tahun 1997 sahaja sebanyak 850 permit teksi baru dikeluarkan kepada 8 buah syarikat dan selain daripada persediaan yang tersebut Jawatankuasa Pengangkutan akan bekerja rapat dengan pihak polis, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga semua syarikat pengangkutan bagi memastikan sistem pengangkutan awam berjalan lancar sebelum, semasa dan selepas temasya sukan tersebut dijalankan kelak.

(b) berikutan dengan keputusan kerajaan untuk menswastakan perkhidmatan pendaftaran dan pelesenan kenderaan serta pengurusan rekod JPJ, JPJ telah mengambil langkah-langkah menyusun semula struktur JPJ sesuai dengan fungsi-fungsi yang perlu diubahsuai seperti berikut:

- (i) pengurusan pejabat;
- (ii) pengurusan kewangan, akaun dan hasil;

- (iii) menjalankan aktiviti penguatkuasaan;
- (iv) menguji dan melesenkan pemandu;
- (v) naziran; dan
- (vi) mengawalselia aktiviti yang diswastakan dengan menubuhkan empat bahagian kawalselia yang terdiri daripada Bahagian Kawalselia Teknik, Kewangan, Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan dan Maklumat (komputer).

Berdasarkan penyusunan semula struktur JPJ tersebut, tumpuan tugas JPJ selepas dua aktiviti diswastakan adalah kepada kerja-kerja kawalselia, selain daripada tugas khusus yang dijalankan sekarang ini iaitu melesenkan pemandu dan kerja-kerja penguatkuasaan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berasa terkilan dengan lalulintas di Dewan Bandaraya bukan lambat tetapi tersesat di Jalan Pudu [*Ketawa*] sesat dan sesak, dua-dua!

Seorang Ahli: Kepong don't waste time!

Dr. Tan Seng Giaw: Dua-dua! Tuan Yang di-Pertua

Seorang Ahli: Mr. Bean!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, sila Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Mr. Bean pun boleh sesat ke?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar hujah tadi sangat banyak, tetapi saya tidak tahulah sama ada akan ada hasil, sebab kita tidak sampai satu tahun - tidak sampai satu tahun. Sekarang kita nampak di Kuala Lumpur, sesak bukan main, macam mana kita dapat menyelesaikan.....

Seorang Ahli: Mr. Bean in Malaysia! *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana.....*[sambil menoleh ke belakang]*
siapa yang cakap Tuan Yang di-Pertua!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Saya tidak nampak Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Biasanya dengan jawapan yang panjang memang menunjukkan satu hasil yang mungkin akan kurang, Tuan Yang di-Pertua ‘tinggi gelepur, rendah laganya’.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Belum ada soalan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: memang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat Kepong soalnya apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Soalnya tadi saya sudah cakap. Bagaimana kita dapat selesaikan dengan tambahnya bilangan bas Intrakota dan bas Park May itu sebanyak 1,409 buah dan sekarang dia ada hampir 400 buah sahaja - tidak boleh jalan. Kalau kita tambah kepada 1,409 buah macam mana boleh jalan Tuan Yang di-Pertua? Itulah masalahnya. Ada banyak lagi soalan sebab.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Cukup.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, malangnya pada setiap kali Yang Berhormat dari Kepong dia lambat masuk Dewan, semua dia kata sebab trafik jam, ini alasan yang mengikutnya cukup munasabahlah. Tetapi untuk kita, kita dapat sampai punctual!

Seorang Ahli: Kota Melaka pun boleh sampai. *[Ketawa]*

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan buat masa ini telah pun menjalankan kerja-kerja dengan keras dan kuat supaya bila kita sampai masa temasya Sukan Komanwel ini kita harap dapat mengadakan satu sistem pengangkutan yang cukup komprehensif dan juga licin untuk menampung permintaan orang ramai (rakyat) termasuk juga semua atlet dari luar negara.

Buat masa ini kita dapat melihat begitu banyak jalan-jalan dalam bandaraya Kuala Lumpur sedang dibina termasuk juga LRT dan juga monorel, sebab kita percaya, kita mempunyai satu jangkaan iaitu sebelum bulan Ogos, 1998 iaitu tahun hadapan maka melebihi 75% infrastruktur pengangkutan akan siap sebagai persediaan untuk menampung permintaan temasya Sukan Komanwel. Memanglah kita tidak dapat menafikan jika kita hendak satu sistem pengangkutan yang licin, sempurna kita harus menunggu lebih lama iaitu mungkin tahun 1999 atau tahun 2000 - the latest, yang paling lewat sekali. Tetapi untuk menampung keperluan bagi temasya Sukan Komanwel, maka kita percaya dengan kerja-kerja yang dijalankan, dengan persediaan yang dibuat

termasuk laporan yang begitu panjang oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan kita dapat mengatasi segala masalah-masalah yang akan dihadapi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis.

[Soalan No. 9 - Y.B. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd.

Jarjis [Rompin] tidak hadir]

PETRONAS - JUMLAH PENINGKATAN PENGELUARAN MINYAK

10. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai] minta Perdana Menteri menyatakan berapa juta tong jumlah peningkatan pengeluaran minyak oleh Petronas bagi menangani kejatuhan nilai matawang yang amat merosot sebagaimana pengumuman arahan beliau baru-baru ini dan berikutan arahan tersebut tidakkah ini menampakkan tindakan kerajaan sebagai jalan mudah tanpa dapat memikirkan peningkatan ekonomi melalui jalan yang lebih objektif dan kreatif. Justeru itu, adakah pihak kerajaan mengambil kira hak rezeki generasi yang akan datang supaya mereka tidak mengalami kemuflihan kesan kehabisan sumber akibat salah urus aktiviti-aktiviti ekonomi dan kerakusan kepimpinan kontemporari.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji

Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman

Yang Berhormat, bemula pada bulan September 1997, kadar pengeluaran purata minyak mentah negara telah dinaikkan daripada 630,000 sehari kepada 650,000 sehari. Kadar pengeluaran purata 650,000 sehari ini dijangka akan dikekalkan sehingga hujung tahun 1997.

Petronas sentiasa mengkaji sama ada pengeluaran minyak dapat dipertingkatkan lagi di masa akan datang terutamanya untuk memenuhi permintaan yang biasanya meningkat pada musim sejuk di penghujung tahun

dan awal tahun. Walau bagaimanapun, faktor terpenting yang sentiasa diambil kira sebelum membuat keputusan meningkatkan pengeluaran ialah faktor keupayaan pengeluaran dan faktor pasaran dan permintaan serta harga minyak semasa tanpa mengetepikan keperluan mengurus kadar pengeluaran minyak negara sejajar dengan Dasar Susutan Negara serta tahap pengeluaran yang mampan bagi menjamin jangka hayat maksimum sumber asli negara. Sesungguhnya pendekatan tersebut telah mengambil kira kepentingan generasi yang akan datang. Jadi, tidaklah berbangkit soal negara akan menghadapi kemuflihan, kehabisan sumber akibat salah urus aktiviti-aktiviti ekonomi dan kerakusan kepimpinan kontemporari seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat.

Lain kali kalau hendak bentuk soalan biarlah menggunakan otak yang waras jangan ikut geram sahaja. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Apakah had maksimum di bawah Dasar Petroleum Nasional untuk pengeluaran petroleum oleh petronas supaya menjaga masa depan generasi yang akan datang, tidak mengabaikan kepentingan generasi yang akan datang dan adakah 650,000 tong sehari ini ialah tertinggi sekali dalam pengeluaran petroleum. Adakah oleh kerana masalah kewangan di mana nilai Ringgit sudah jatuh, bahawa memerlukan Dasar Petroleum Nasional diubah dan pada masa sekarang apakah had maksimum, bolehkah kita dapat tahu?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh purata pengeluaran minyak yang telah

diizinkan, iaitu minyak mentah adalah dijangka sebanyak 600,000 hingga 650,000 tong sehari. Oleh kerana itu kita adalah di dalam had yang dibenarkan oleh kegunaan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Soalan yang kedua Yang Berhormat iaitu bahawa apakah kenaikan pengeluaran minyak mentah ini disabitkan oleh kekurangan kejatuhan wang ringgit Malaysia. Itu adalah tidak benar kerana dalam jawapan saya tadi saya mengatakan selalunya permintaan itu bertambah di waktu hujung tahun dan awal tahun kerana musim sejuk di negara-negara barat, jadi dia tidak ada kaitan langsung dengan kejatuhan wang Ringgit kita.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya yang bertanya soalan ini bimbang, takut hasil-masyhul negara kita tidak boleh dikecapi oleh generasi kita yang akan datang dan atas alasan yang sama juga saya ingin mendapat penjelasan tambahan dari Yang Berhormat, tidakkah Yang Berhormat ingin menasihati kerajaan negeri Kelantan supaya jangan banyak sangat tebang balak-balak di negeri Kelantan sekarang kerana ini juga menyebabkan generasi akan datang akan menghadapi masalah yang besar ini.

Seorang Ahli: Nasihatlah sudah, degil!.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Machang sebab dia nampak salah orang sahaja, yang dia buat itu dia tidak tahu, bukan balak sahaja, air pun habis dia hendak beri, takut generasi yang akan datang tidak dapat minum air, sebab itu jaga diri sendiri.

Seorang Ahli: Air di Kelang tidak ada.

PENDATANG TANPA IZIN DI TAPAK PEMBINAAN - PEMERIKSAAN

11. Tuan Chang See Ten [Gelang Patah] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan pendekatan yang diambil oleh pihak kementerian, selain mengadakan pemeriksaan mengejut ke tapak-tapak pembinaan bagi mengesan pendatang-pendatang tanpa izin yang begitu ramai di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengadakan pemeriksaan mengejut di tapak-tapak pembinaan bagi mengesan pendatang tanpa izin di negara ini, agensi penguatkuasaan khususnya Polis Di-Raja Malaysia dan Jabatan Imigresen melaksanakan pendekatan lain iaitu dengan mengadakan:

- (i) pemeriksaan di tempat kerja seperti di kilang, ladang dan restoran;
- (ii) operasi mengejut di pusat-pusat hiburan seperti karaoke, kelab malam, disko dan sebagainya;
- (iii) operasi dari rumah ke rumah untuk mengesan pendatang tanpa izin yang bekerja sebagai pembantu rumah di kawasan-kawasan perumahan termasuk kawasan perumahan mewah;
- (iv) sekatan jalan raya;
- (v) pemeriksaan di kawasan-kawasan perkampungan yang biasanya diduduki oleh warganegara asing;

- (vi) pemeriksaan di pasar malam dan pasaraya; dan
- (vii) pemeriksaan di tempat-tempat yang dikenalpasti sebagai tempat pendaratan dan penyusupan pendatang tanpa izin.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sungguhpun pihak kerajaan telah menyatakan ada mengambil pendekatan-pendekatan lain selain dari membuat pemeriksaan mengejut, tetapi pendatang-pendatang asing tanpa izin tetap datang dan masuk ke Malaysia secara haram. Adakah ini bermakna bahawa pendekatan yang diambil oleh pihak kerajaan telah gagal dan bahawa perlu ada satu paradigmship untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah ini? Adakah kementerian ada jalan lain selain daripada apa yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat? Adakah Yang Berhormat juga ada mengambil kira bahawa mungkin salah satu daripada punca masalah ini adalah di dalam Jabatan Imigresen sendiri di mana kerana kelemahan dan kepincangan yang sedia ada termasuk penyalahgunaan kuasa telah membenarkan pendatang-pendatang tanpa izin ini masuk seperti kes di mana ada passport pekerja-pekerja asing yang sah boleh hilang. Saya tidak tahu macam mana perkara ini boleh berlaku. Jabatan Imigresen sebagai pemegang amanah passport boleh menghilangkan passport pula. Apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini dan berapa passport pekerja asing telah hilang sehingga sekarang?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, salah satu cara untuk kita mengelakkan pendatang tanpa izin datang ke negara kita ialah dengan meminta kerjasama rakyat Malaysia untuk tidak mengambil

mereka ini sebagai pekerja di syarikat ataupun di rumah-rumah mereka. Kalau ini dapat kita laksanakan tidak mungkin pendatang-pendatang ini akan datang ke negara kita kerana mereka tidak akan mendapat pekerjaan.

Yang keduanya kita juga minta kerjasama daripada rakyat Malaysia supaya tidak memberikan tempat-tempat perniagaan kepada pendatang-pendatang asing tanpa izin ataupun rakyat asing, kerana kalau mereka boleh berniaga bermakna mereka boleh mencari nafkah dan ini sudah tentulah akan menggalakkan untuk terus tinggal di negara kita. Kalau kedua-dua perkara ini tidak dilaksanakan oleh rakyat Malaysia, tidak mungkin pendatang ini akan datang dan tinggal di negara kita, kerana mereka tidak akan dapat mencari nafkah.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu berkenaan dengan perkara dari dalam, saya merasakan kalau pihak imigresen dan pihak polis mengambil tindakan yang tegas di masa yang akan datang kita akan dapat melihat berkurangnya pendatang tanpa izin datang ke negara kita dan juga berkurangnya pekerja-pekerja rakyat asing yang bekerja di negara kita.

Berkenaan dengan perkara passport yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, saya tidak ada masa yang panjang untuk menjawab, tetapi ingin saya tegaskan bahawa perkara yang dibangkitkan tadi tidak tepat dan tidak benar. Apa yang berlaku ialah ada ejen-ejen yang sengaja menghilangkan passport yang diberi oleh pendatang-pendatang ini untuk diperbaharui sama ada permit kerja dan sebagainya dan cara mereka menjawab senang sahaja 'passport

hilang di Jabatan Imigresen', tetapi sebenarnya merekalah yang tidak bertanggungjawab menghilangkan pasport pendatang-pendatang ini.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di Sabah ada dinyatakan oleh Kerajaan Negeri Sabah bahawa satu mekanisme baru untuk membenarkan rakyat asing masuk dalam negeri itu ialah dengan memperkenalkan border pass. Jadi, persoalan saya adakah kerajaan sedar bahawa ini boleh menggalakkan rakyat asing lebih ramai masuk ke negara kita dan sesudah berada di dalam negara ini nanti, mereka akan terus tinggal di sini kerana bukan senang untuk trace rakyat asing yang sudah dibenarkan masuk dengan secara berleluasa nanti. Jadi, apakah tindakan Kerajaan Persekutuan untuk menghalang kerajaan negeri supaya tidak berlakunya perkara seperti ini di Sabah?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kita di kalangan negara ASEAN ada perjanjian di mana penduduk-penduduk dalam negara ASEAN boleh melawat negara ASEAN dengan menggunakan pasport tanpa visa selama sebulan dan ada setengah negeri atau negara yang membenarkan penggunaan border pass. Border pass ini sebenarnya memberi kemudahan kepada kedua-dua pihak, kalau di Sarawak kepada orang Sarawak dan juga kepada orang-orang daripada Indonesia, bermakna kedua-dua pihak mendapat kemudahan.

Saya telah menyebutkan tadi kalau kita tidak memberikan pekerjaan kepada mereka yang datang daripada negara luar tanpa mendapat permit kerja, maka soal pendatang-pendatang ini hendak tinggal di negara kita tidak timbul,

tetapi selagi rakyat Malaysia sendiri tidak bertanggungjawab mengambil mereka ini sebagai pekerja yang tidak sah, tidak mungkin kita akan dapat menutup sempadan negara kita daripada dimasuki ataupun dibolosi oleh pendatang-pendatang tanpa izin ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Tuan Jacob Dungau Sagan.

[Soalan No.12 - Y.B. Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram] tidak hadir]

ORANG ASLI - PERANCANGAN JANGKA PENDEK DAN JANGKA PANJANG

13. Puah Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu] minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) adakah pihak kementerian mempunyai perancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk Orang Asli yang meliputi semua aspek iaitu termasuk kesihatan, kebudayaan, ekonomi, pendidikan, pemilikan tanah, sosial dan politik; dan
- (b) apakah yang dihasratkan untuk Orang Asli pada tahun 2005 dan 2020.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan

Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Kota Bharu, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah mewujudkan satu program jangka panjang yang

menyeluruh iaitu “Plan Strategik Pembangunan Orang Asli 1997 - 2005”. Di antara matlamat plan ini ialah:

- (i) mengurang dan seterusnya membasmi kemiskinan di kalangan Orang Asli.
- (ii) meningkatkan kualiti hidup Orang Asli.
- (iii) meningkatkan tahap kesihatan Orang Asli.
- (iv) membentuk jatidiri Orang Asli.
- (v) meningkatkan penyertaan Orang Asli dalam sektor perindustrian dan perdagangan.
- (vi) memelihara dan menggalakkan unsur-unsur kebudayaan dan kesenian Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat plan ini merangkumi pelbagai aspek termasuk kesihatan, kebudayaan, ekonomi, pendidikan dan lain-lain.

(b) Menjelang tahun 2005, jabatan telah menetapkan sasaran seperti berikut:

- (i) kadar rakyat termiskin dikurangkan kepada 30%;
- (ii) kemudahan-kemudahan infrastruktur ditingkatkan kepada 60%;
- (iii) kadar pembinaan rumah PPRT ditingkatkan kepada 100%;
- (iv) pendaerahan kesihatan disempurnakan 10%;
- (v) kadar keciciran murid sekolah rendah dikurangkan 20%;
- (vi) kadar celik huruf ditingkatkan kepada 50% dari jumlah penduduk.

Menjelang tahun 2020 adalah menjadi hasrat dan harapan kementerian untuk melihat masyarakat Orang Asli mampu memasuki ke dalam arus pembangunan utama, mainstream activity dan boleh berdikari tanpa mengharapkan kepada jabatan dan kerajaan sepenuhnya.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Terlebih dahulu saya ingin merakamkan tahniah kepada kementerian di atas Plan Strategik Orang Asli itu. Saya ingin bertanya apakah asas-asas yang membolehkan kementerian yakin matlamat-matlamat yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi dapat dicapai pada tahun 2005 ataupun sebelum daripadanya?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya tidak dapat memberi satu persatu asas-asas yang saya dapat memberi penjelasan, tetapi ambil perbandingan, iaitu peruntukan infrastruktur bagi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh. Dalam Rancangan Malaysia Keenam peruntukan telah diperuntukkan RM5,516,000. Jadi, perbelanjaan Rancangan Malaysia Keenam RM5,274,005.

Peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh, RM21,928,000. Jadi, inilah satu petanda berkenaan dengan infrastruktur iaitu kerajaan memang semenjak Rancangan Malaysia Ketujuh menambah berapa kali ganda, iaitu peruntukan untuk infrastruktur Orang Asli.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah cadangan untuk menempatkan anak-anak Orang Asli yang bersekolah ke asrama-asrama khas untuk mereka supaya mereka benar-benar dapat menerima suatu suasana pendidikan, persekitaran dan perubahan sikap yang

baru dalam usaha mengangkat taraf sosio-ekonomi dan politik golongan ini untuk jangka masa yang panjang?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat telah sedar, mulai dari tahun 1996 iaitu pendidikan adalah di bawah Kementerian Pendidikan, bukan di bawah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

PENGEMIS - BILANGAN YANG DITAHAN MENGIKUT NEGERI DALAM TAHUN 1996

14. **Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:-

- (a) bilangan pengemis yang ditahan dalam 1996 mengikut negeri; dan
- (b) apakah yang dilakukan untuk mempertingkatkan mutu hidup orang miskin di kawasan Seberang Perai Tengah.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan,

- (a) Bilangan pengemis yang ditahan mengikut negeri pada tahun 1996 adalah seperti berikut:-

Negeri	Bilangan
Perlis	-
Kedah	9
Pulau Pinang	60
Perak	101
Selangor	51

Wilayah Persekutuan	243
Melaka	17
Negeri Sembilan	34
Johor	68
Pahang	1
Terengganu	13
Kelantan	1
Wil. Persekutuan Labuan	-
Sarawak	1
Sabah	<u>-</u>
Jumlah:	<u>599</u>

- (b) Bagi membantu mempertingkatkan mutu hidup orang-orang miskin di kawasan Seberang Perai Tengah, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedang melaksanakan dua pendekatan seperti berikut:-

Jangka Pendek -

- (i) Bagi mereka yang berpendapatan di bawah RM300 sebulan pendapatan isi rumah, mereka dipertimbangkan dengan skim-skim bantuan kewangan bulanan yang bersesuaian;
- (ii) Anak-anak orang miskin yang bersekolah diberi pertimbangan untuk mendapat bantuan sekolah;

- (iii) Bagi pesakit-pesakit miskin pula mereka dirujuk untuk pengecualian bayaran rawatan, bantuan waran tiket untuk perjalanan mendapatkan rawatan pakar serta memohon bantuan kewangan dari Yayasan Kebajikan Negara bagi membiayai rawatan mereka.

Jangka Panjang -

- (i) Bagi mereka yang berpendapatan isi rumah di bawah RM300 sebulan yang mempunyai minat kebolehan untuk berniaga atau mengusahakan sesuatu projek ekonomi dipertimbangkan untuk mendapat bantuan geran pelancaran bagi memulakan projek mereka. Projek-projek ekonomi telah dilaksanakan di bawah Skim Pembangunan Komuniti di Kampung Permatang Pasir untuk mewujudkan peluang pekerjaan serta untuk menambahkan pendapatan peserta-peserta projek di rata-rata terdiri daripada penduduk miskin.
- (ii) Kelas tuisyen dan kelas komputer secara percuma diadakan di Pusat Aktiviti Kanak-kanak Perai dan Pusat Aktiviti Kanak-kanak Gua Perahu untuk membantu anak-anak golongan miskin menambahkan pengetahuan dan kemahiran supaya

mereka dapat meningkatkan taraf kehidupan
keluarga mereka kelak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soal-Jawab sudah cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan 4, 6, 9, 12, dan 16 hingga 32 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG BIL PERTUKARAN (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bil Pertukaran 1949; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat yang akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:”

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM18,491,268,800 (Ringgit Malaysia lapan belas bilion, empat ratus sembilan puluh satu juta, dua ratus enam puluh lapan ribu, lapan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1998, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1997, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.” *[Hari Isnin, 27 Oktober 1997]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli Yang Berhormat dari Seri Gading diminta sambung ucapan.

3.40 ptg.

Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading]: Assalamualaikum. Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menyampaikan dalam perkara mengenai untuk membasmi masalah kemiskinan. Dalam membasmi masalah kemiskinan, peruntukan wang semata-mata bukanlah jalan penyelesaian yang mutlak, Tetapi penerangan-penerangan, ceramah-ceramah kesedaran, latihan-latihan yang sesuai perlu dilipatgandakan bagi menyedarkan masyarakat betapa jeleknya kemiskinan sebagaimana yang pernah disabdakan oleh Rasulullah S.A.W. [*membaca dalam bahasa Arab*] yang bermaksud: “Hampir-hampir orang yang fakir itu jadi kufur.” Kerana kebanyakan orang yang fakir miskin tidak sabar dan akhirnya terceburlah ke lembah maksiat dan kejahatan.

Saidina Ali Karamallah Wajjah pernah berkata, di dalam pembasmian kemiskinan katanya [*membaca dalam bahasa Arab*] maksudnya: “*Kalaulah kefakiran itu menyerupai seperti seorang lelaki nescaya aku bunuh dan aku hapuskan kefakiran itu.*” Kita tidak mahu meninggalkan zuriat generasi masa akan datang yang terdiri daripada mereka yang lemah, daif dan memintameminta.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan kakitangan kerajaan di bandar-bandar. Dalam Dewan ini pernah saya bangkitkan masalah perumahan bagi kakitangan kerajaan yang tinggal di bandar-bandar besar, terutama bagi mereka yang berpendapatan rendah. Saya masih lagi kurang berpuas hati dengan jawapan bahawa perkara ini masih dalam kajian, walaupun kakitangan kerajaan diberikan pinjaman perumahan, tetapi ianya ada syarat-syarat tertentu. Di antaranya telah disahkan jawatan yang memakan masa bertahun-tahun.

Kakitangan kerajaan juga sering dipindahkan bertukar ke tempat lain. Sekiranya mereka dihantar bertugas di bandar-bandar besar, soal rumah kediaman adalah merupakan satu beban yang berat terpaksa mereka pikul. Oleh itu, saya sekali lagi menyarankan supaya masalah perumahan bagi kakitangan kerajaan terutama di bandar-bandar besar dapat diatasi segera.

Tuan Yang di-Pertua, masalah judi. Perkara ini telah sangat menjolok mata. Di kawasan saya di Pekan Paya Raja ada sebuah sekolah menengah, selang beberapa meter tidak jauh daripada situ terdapat kedai judi Empat Ekor. Pelajar-pelajar sebelum masuk sekolah lalu di hadapan kedai tersebut, dan saya difahamkan ada pelajar-pelajar yang terbabas ke tempat itu. Ada juga kedai berhadapan dengan masjid. Saya juga difahamkan ada juga pak haji-pak haji terbabas ke tempat itu. *[Ketawa]*

Masalah judi boleh menyebabkan berbagai-bagai masalah, keruntuhan akhlak, perkelahian, porak peranda rumah tangga dan lain-lain lagi. Kalau tidak lama dahulu kerajaan telah menamatkan Loteri Kebajikan Masyarakat, tidak ada apa-apa pun menimbulkan masalah. Pegawai-pegawai pencegah maksiat jabatan agama tidak mampu untuk mengawasi dan mengambil tindakan terhadap umat Islam yang berjudi kerana kekurangan pegawai-pegawai dan lain-lain. Jadi, saya cadangkan semua lesen-lesen perjudian tamatkan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu kata ‘judi halal, judi haram’. Penggunaan istilah ‘halal-haram’ adalah istilah yang digunakan dalam agama. ‘Haram’ bermakna perkara yang dibuat dapat dosa, jika ditinggal dapat pahala. ‘Halal’ bermakna perkara yang dibolehkan oleh syarak. Perkataan ‘judi haram’

saya rasa tidak kena, nanti ada orang anggap ada pula judi halal. Samsu haram, ada pula samsu halal. Lumba haram, mungkin orang kata ada lumba halal. Rumah urut haram, mungkin ada orang kata rumah urut halal. *[Ketawa]* Duduk rumah haram, tanah haram, sedangkan Tanah Haram itu di Mekah sahaja.

Jadi, perkataan ‘halal-haram’ tidak wajar digunakan selain daripada istilah agama. Saya berharap rakan-rakan pemberita kena ambil ingatan, mereka selalu tulis dalam akhbar-akhbar. Jikalau judi, tulis sahaja ‘judi tidak berlesen, rumah urut tidak berlesen, lumba motor tanpa kebenaran, tanah ceroboh yang tidak ada geran’ dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk perhatian Yang Berhormat Menteri. Masalah penjualan kaset-kaset ceramah yang dijual di merata tempat, saya ingin bertanya sama ada penjualan dan pengedaran kaset-kaset tersebut ada kebenaran atau tidak. Adakah atau tidak ditapis atau dikawal dan syarat-syarat pengedaran kaset-kaset yang berbentuk ceramah-ceramah dan syarahan-syarahan. Jadi, saya harap dapat diambil perhatian. *[Sambil menunjukkan kaset]* Bersama-saya saya ada sebuah kaset yang bertajuk ‘*Ulamak Kena Gum*’. Di antara kandungannya saya hendak petik sedikit sahaja, dia kata “*semangat-semangat, takbir-takbir, tetapi pangkah UMNO juga.*” Jadi, seolah-olah orang bertakbir tidak boleh pangkah UMNO, seolah-olah UMNO tidak boleh mengucap, orang UMNO tidak boleh berzikir dan lain-lain lagi. Kalau itu semua tidak boleh, jadi kitab mana yang dia baca?

Banyak lagi kaset, ceramah yang serupa ini. Saya harap kajian-kajian mesti dibuat, kalau perlu ambil tindakan yang sewajarnya, ambil tindakan sama ada kepada penceramah, penjual atau pengedar kaset-kaset tersebut. *[Tepuk]* Kerana banyak perkara yang diperkatakan boleh menimbulkan kekeliruan orang ramai. Saya bukanlah antiulamak, ulamak yang baik, ulamak yang jujur boleh jalan terus, kita sokong. Kita tidak ada masalah dengan ulamak-ulamak yang baik, yang jujur dan yang ikhlas untuk menyampaikan ilmu. Tetapi kalau ulamak-ulamak yang menggelarkan dirinya ulamak....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Machang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Minta penjelasan, Yang Berhormat dari Sri Gading.

Tuan Hamzah bin Ramli: Sila.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat kata tadi Yang Berhormat tidak ada masalah dengan ulamak. Yang menjadi masalah sekarang ini ulamak kepartian, ulamak yang melibatkan diri dalam politik. Apabila sesuatu pendapat agama, pandangan agama dikeluarkan, ianya adalah terpengaruh dengan pandangan politik mereka sendiri atau pandangan politik kepartian tersebut. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ulamak-ulamak yang melibatkan diri dalam politik kepartian ini, misalannya saya beri contoh secara jelas Menteri Besar negeri Kelantan. Dia menggelarkan dirinya sebagai seorang ulamak, tetapi pada yang sama dia adalah Mursyidul Am

sebuah parti. Dan ada apa-apa yang dia buat keputusan itu kadang-kadang ialah menjaga kepentingan parti dia tetapi tidak menjaga kepentingan Islam secara keseluruhannya. Jadi, adakah ulamak-ualamak seperti ini menjejaskan institusi ulamak itu sendiri? Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kalau ulamak yang melibatkan diri dalam politik kepartian ini akhirnya yang menjadi hinanya ialah Islam, yang menjadi hinanya ialah ulamak itu sendiri?

Tuan Hamzah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa penglibatan ulamak terhadap kepartian tidaklah salah. Tetapi pendapat serta perkara-perkara yang diperkatakan itu adakah betul atau tidak itu yang jadi soalnya. Sebab itulah semalam saya telah menyarankan supaya ditubuhkan sebuah institusi yang dinamakan ‘Darul Iftaq’ supaya dapat membuat kajian dan sebagainya. Kalau sekiranya perkara itu salah, walaupun ulamak, maka sesuatu harus dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, dari apa yang telah saya cadangkan dan sarankan, saya harap dapat perhatian daripada semua pihak. Kalau pun tidak boleh untuk dilaksanakan semua, tetapi janganlah tinggalkan semua. Buatlah pendekatan yang terbaik termasuk kaedah-kaedah ‘fikrul al-aulawiyat’ yakni keutamaan dalam melaksanakan sesuatu, sebagaimana yang pernah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam pembentangan Belanjawan tahun lalu. Dan juga mengikut masalah am dan juga hikmah-hikmah dan kaedah-kaedah lain dengan mengambil kira keadaan, masa dan tempat, demi keamanan dan kesejahteraan ummah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Pasir Mas.

3.48 ptg.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor [Pasir Mas]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberi kesempatan kepada saya untuk bersama-sama turut memberi pendapat di dalam perbahasan Belanjawan 1998 yang telah dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan kita pada kali ini adalah merupakan suatu Belanjawan yang sangat baik di dalam keadaan negara kita menghadapi berbagai-bagai ancaman. Ancaman yang ketara sekali bagi kita kali ini ialah mengenai kejatuhan mata wang kita, dan yang keduanya ialah kejatuhan pasaran saham. Akibat daripada ini banyaklah rakyat terutama sekali ahli-ahli perniagaan negara kita ini menghadapi masalah kewangan. Banyak mereka diburu oleh institusi-institusi kewangan kerana kejatuhan pasaran saham yang begitu mendadak sekali, sehinggalah ke hari ini saya difahamkan sampai 40, pasaran saham kita telah menjunam ke angka 600 lebih.

Tetapi alhamdulillah, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita menghadapi ancaman ini, tetapi Belanjawan kita pada kali ini menunjukkan masalah rakyat termiskin di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar umpamanya, peruntukan bukan sahaja dikekalkan pada tahun yang lepas, tetapi peruntukan ini kerajaan kita mampu untuk menambah bagi menyelesaikan permasalahan

yang dihadapi oleh rakyat terutama sekali golongan miskin yang tinggal di luar-luar bandar.

Begitu juga dengan peruntukan di bawah Kementerian Pertanian juga tidak dikurangkan. Begitu juga peruntukan di bawah Kementerian Pendidikan juga tidak dikurangkan. Malah peruntukan di bawah Kementerian Kesihatan ditambah lebih banyak daripada tahun-tahun yang lepas. Ini menunjukkan petanda baik kepada kita, oleh kerana penjimatan yang telah dilakukan oleh kerajaan kita di dalam membelanjakan di dalam keadaan negara kita mencapai kedudukan ekonomi yang baik dalam jangka masa enam tahun yang lepas. Tetapi walaupun tahun ini kita menghadapi masalah ini, kerajaan kita masih mampu untuk memberi peruntukan yang sebaik mungkin untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembentangan Belanjawan baru-baru ini, saya suka hendak menarik perhatian kepada Dewan ini mengenai dengan kenaikan bayaran lesen kenderaan sebanyak RM50. Ini telah menimbulkan cakap-cakap tidak puas hati di kalangan rakyat, terutama sekali golongan di kampung-kampung, di kedai-kedai kopi umpamanya. Di kawasan saya juga, kawasan Pasir Mas merupakan kawasan luar bandar, kalau saya balik ke kawasan, kita pergi ke masjid jumpa dengan rakyat, mereka bertanya bagaimana Yang Berhormat, lesen naik begini banyak, lebih daripada 100%. Kalau naik sediki barangkali rakyat tidak merungut.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, yang paling mengejutkan saya ialah kenaikan lesen ini kepada pemandu yang membawa kenderaan bas. Saya

didatangi oleh beberapa orang pekerja Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan mengatakan kenaikan ini sehingga RM170. Mereka terpaksa kena bayar lesen RM50, lesen PSV lagi, perubatan lagi sehingga RM170. Saya pun tidak berapa pastilah sama ada perkara ini benar ataupun tidak. Tetapi kalaulah kenaikan ini sehingga RM170.00 adalah membebankan. Saya berharap dan mencadangkan supaya pihak kementerian yang berkenaan membuat kajian yang teliti supaya tidak membebankan rakyat terutama sekali golongan yang miskin. Walaupun mereka bawa bas besar, tetapi dia hanya mendapat gaji lebih kurang RM400, RM500 sahaja sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya suka sentuhkan ialah mengenai dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Pasir Mas adalah terletak dalam sebuah negeri pembangkang, negeri Kelantan, satu-satunya negeri yang diperintah oleh kerajaan pembangkang di peringkat Persekutuan. Kerajaan negeri Kelantan samalah juga dengan negeri-negeri yang lain. Kalau hendak serah soal pembangunan luar bandar kepada kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah rakyat, masalah jalan-jalan kampung, masalah perparitan, masalah api elektrik, masalah rumah orang miskin, masalah air bersih, maka sudah tentulah masalah ini tidak tidak akan diselesaikan oleh kerajaan negeri yang di bawah pimpinan Kerajaan PAS hari ini.

Maka kita berharap sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan kita mengucapkan berbilang terima kasih kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar secara kebetulannya juga orang Kelantan yang telah banyak membantu negeri Kelantan untuk menyelesaikan masalah yang saya sebutkan tadi. Tetapi

walaupun bagaimanapun, oleh kerana masalah ini adalah merupakan masalah yang masih belum diselesaikan, kita berharap kepada kementerian yang berkenaan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan peruntukan yang berjumlah RM2.8 bilion itu supaya mereka dapat melihat lebih sedikit ke negeri Kelantan ini untuk menyelesaikan masalah jalan-jalan kampung yang masih belum ditar lagi, jalan yang rosak, api elektrik, rakyat miskin masih ada lagi, rumah rakyat yang termiskin pun masih ramai lagi yang masih belum kita memberi untuk memperbaiki keadaan rumah-rumah orang miskin ini.

Yang kedua, mengenai pembangunan luar bandar juga, mengenai KEMAS. Baru-baru ini di dalam kawasan saya, saya telah sempat pergi ke semua tadika-tadika KEMAS yang didapati di kawasan saya ialah sebanyak 47 buah tadika KEMAS. Tadika-tadika ini nampaknya sekarang ini sambutan rakyat muridnya ramai walaupun keadaan sekolah itu kurang memuaskan. Apabila Wakil Rakyat datang, banyaklah rungutan-rungutan yang dihadapi oleh ahli-ahli jawatankuasa tadika KEMAS itu. Pertamanya, apa yang dirungutkan ialah mengenai dengan bangunannya yang agak usang perlu diperbaiki. Tetapi apabila saya berbincang dengan pegawai kanan KEMAS jajahan Parlimen Pasir Mas, mereka menyatakan peruntukannya tidak ada. Permohonan telah dibuat, tetapi peruntukan tidak ada.

Saya difahamkan sebuah negeri Kelantan sahaja, peruntukan untuk dibaiki bangunan ini hanya sebanyak RM70 ribu sahaja setahun. Jadi, kalau sebanyak RM70 ribu ini sahaja untuk memperbaiki keadaan kelas-kelas KEMAS yang ada bocor, dindingnya rosak dan sebagainya, maka sudah

tentulah masalah ini tidak dapat diselesaikan. Justeru itu, apabila Wakil Rakyat datang mintalah peruntukan dengan Wakil Rakyat. Jadi, daripada RM500 ribu itu untuk selesaikan masalah jalan-jalan kampung, masalah KEMAS, masalah sekolah, masalah PIBG pun ada, maka sudah tentulah kita tidak dapat memberi perhatian yang begitu serius. Saya berharap dan memohon kepada kementerian yang berkenaan supaya menambahkan lagi peruntukan memperbaiki bangunan-bangunan KEMAS yang ada di dalam negeri Kelantan ini khususnya di dalam Parlimen Pasir Mas.

Begitu juga KEMAS ini, kita dapati gurunya ada yang tidak cukup. Setengah-setengah sekolah muridnya ramai. Sambutan sekolah tadika KEMAS ini alhamdulillah. Di kawasan saya sambutannya amat memuaskan sekali, sampai 70, 80 murid pun ada sebuah kelas. Jadi, dengan guru seorang sahaja, maka sudah tentulah tidak boleh memberi tumpuan yang sepenuhnya kepada anak-anak kita yang belajar di sekolah tersebut. Jadi, saya juga mencadangkan kepada kementerian yang berkenaan supaya menambahkan lagi guru sekurang-kurangnya dua orang bagi setiap kelas KEMAS yang ada di seluruh negeri Kelantan ini.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya mengenai dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini, salah satu ialah mengenai dengan Desa Wawasan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Rancangan ini adalah satu perkara yang baik untuk memberi kesedaran kepada rakyat, orang-orang kampung supaya ahli-ahli jawatankuasa kampung mempunyai tanggungjawab yang betul-betul dapat memperbaiki kedudukan sosio-

ekonomi rakyat setempat. Tetapi apa yang mendukacitakan saya Desa Wawasan yang sebegini rupa saya rasa kesannya kepada rakyat tidak begitu berkesan. Kerana pertama sekali, peruntukan yang diberikan kepada Desa Wawasan itu apa yang saya difahamkan hanya sekadar RM3,500 sahaja. Jadi, dengan RM3,500 itu apa yang boleh ahli jawatankuasa kampung itu dapat memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi rakyat di kawasan kampung. Sepatutnya untuk melaksanakan satu Desa Wawasan yang menjadi contoh kepada kampung-kampung lain yang tidak dipilih sebagai Desa Wawasan ini....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawasanya peruntukan yang diberi oleh Pusat kepada Yang Berhormat ialah sebanyak RM500 ribu setiap tahun. Apakah RM500 ribu itu Yang Berhormat mengagihkan kepada projek-projek apa?

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat pun faham, soal peruntukan RM500 ribu. Kalau dahulu semasa saya dalam S.46 itu sama dengan Yang Berhormat juga diberi RM35 ribu sahaja. Jadi, RM35 ribu itu boleh digunakan untuk apa-apa sahaja kepentingan rakyat. Beginilah juga dengan RM500 ribu ini, saya boleh gunakan untuk kepentingan rakyat, bukan untuk kepentingan kita sebagai Wakil Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Desa Wawasan ini kalau diberi peruntukan yang khusus kepada sama ada melalui KEMAS ataupun melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP), jajahan ataupun negeri dengan diawasi oleh pegawai yang berkenaan, dapat merancang aktiviti-aktiviti untuk faedah rakyat. Umpamanya dari segi pendidikan, ahli jawatankuasa boleh merancang bagaimana untuk mempertingkatkan pendidikan anak-anak di kawasan kampung yang terpilih sebagai Desa Wawasan. Dari segi pertanian, projek pertaniannya, melaksanakan projek pertanian berkelompok umpamanya, tanam padikah, tanam sayurkah, pelihara ayamkah, pelihara puyuhkah. Ini semua sudah tentu memerlukan kepada peruntukan, peruntukan dari segi ekonomi seumpamanya.

Dari segi infrastruktur, kalau diberi peruntukan mereka boleh membuat gotong-royong untuk membersihkan kampung, hendak menyelesaikan masalah perlongkangan yang kecil-kecil, hendak membatu jalan ataupun sebagainya. Begitu juga mereka boleh aturkan program Bina Insan dengan kursus kepada belia-belia, memberi dakwah, pendidikan Islam, pendekatan pembinaan insan kepada masyarakat setempat. Kalaulah kementerian memperuntukkan umpamanya bagi setiap Desa Wawasan sebanyak RM50 ribukah, RM100 ribukah, maka sudah tentulah rakyat boleh melihat Desa Wawasan ini telah berjaya, dari segi kampungnya kita dapat tengok indah, dari segi rakyatnya, perpaduannya, sosio-ekonomi baik, maka sudah tentulah kampung itu menjadi contoh kepada kampung-kampung lain. Jadi, kita berharap kepada pihak kementerian supaya memberi perhatian yang baik supaya Desa Wawasan yang

menjadi idaman kita semua ini berjaya dan mendapat manfaatnya kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pendidikan sekolah. Alhamdulillah, sekarang ini kita melihat pendidikan sekolah-sekolah sama ada di kawasan saya di luar bandarkah, di bandarkah, sekolah-sekolah ini sudah menjadi perkara kita boleh memberi kredit kepada Kementerian Pendidikan adalah baik. Kerana anak-anak kita sekarang ini tidak ada lagi tercicir kerana tidak ada sekolah-sekolah rendah, hendak pergi sekolah jauh, sekolah menengah tidak ada, sekolah vokasional pun ada. Tetapi yang menjadi masalah sekarang ini ialah satu perkara sahaja ialah di sekolah itu tidak dilengkapi dengan musala yang secukupnya.

Jadi, pihak PIBG sekolah kebiasaannya terpaksa mencari derma ke mana-mana, cari wakil rakyat, minta derma kepada ibu bapa untuk menyelesaikan masalah musala di seluruh sekolah yang ada hari ini. Alhamdulillah, kita tengok semua sekolah, guru-gurunya dengan kerjasama PIBG, ibu bapa, anak-anak sekarang ini telah mendekati dirinya, oleh kerana ada kelas Fardu Ain, telah mendidik anak-anak kita belajar sembahyang, belajar ambil air sembahyang, belajar Fardu Ain, pendidikan agama dilakukan di madrasah ataupun musala yang ada di sekolah. Tetapi masih banyak lagi musala ini tidak sempurna. Ada musalanya kecil, ada musalanya tidak siap lagi. Semua ini hendak cari wakil rakyat. Wakil rakyat bolehlah beri RM4 ribu, RM5 ribu bagi sebuah sekolah. Kalau dalam kawasan Parlimen saya ada 40 lebih buah sekolah, kalau semua sekolah ini minta hendak buat musala dengan

wakil rakyat, maka sudah tentulah peruntukan RM500 ribu itu habis untuk musala sekolah sahaja.

Jadi, saya mencadangkan supaya pihak kementerian setiap sekolah yang ada hendaklah diberi peruntukan khusus untuk membina musala di setiap buah sekolah ini. Kerana musala ini bolehlah kita katakan perkara yang mustahak, perkara yang wajib kita adakan bagi setiap sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Kementerian Pertanian. Saya sukalah mencadangkan sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat lain juga pertamanya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan masih memberi lagi peruntukan subsidi baja-baja padi ini kepada petani-petani di seluruh negara ini, termasuklah juga di dalam negeri Kelantan. Tetapi mengenai dengan subsidi padi ini yang telah diberikan sekarang ini saya rasa masih perlu lagi diperbaiki, dikaji semula oleh pihak kementerian yang berkenaan memandangkan kepada keadaan sekarang ini harga barang naik dan minat belia-belia kita, petani-petani orang kampung sekarang ini tidak berapa berminat lagi untuk mengerjakan tanam padi ini, dan padi ini merupakan makanan utama kepada rakyat di dalam negara kita ini, hendak tidak hendak kerajaan mesti mencai jalan sedaya upaya supaya minat rakyat untuk menanam padi ini dibuat dengan bersungguh-sungguh.

Maka saya mencadangkan kepada pihak kementerian berkenaan supaya mengkaji semula dan menambahkan lagi subsidi padi yang telah diberi selama ini kepada angka yang lebih baik daripada yang ada pada hari ini. Begitu jugalah mengenai dengan padi, hendak tanam padi sekarang ini serangga

banyak. Petani-petani terpaksa kena membeli racun, selain daripada dia kena beli baja tambahan dia kena beli racun lagi. Jadi, racun ini kalau tidak silap saya Menteri Kewangan sendiri semasa pergi rasmi KADA di Nilam Puri baru-baru ini menyatakan harga subsidi racun serangga untuk padi ini akan diturunkan. Apa yang saya difahamkan sehingga hari ini petani beritahu tidak turun lagi. Jadi, saya mencadangkan supaya harga racun padi ini juga yang menjadi beban kepada petani ini diturunkan oleh pihak kementerian dengan secepat mungkin yang boleh. Jadi, sekadar itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Bagan.

3.48 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum pengisytiharan Belanjawan 1998 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ramai orang penuh harapan bahawa Belanjawan 1998 ini adalah ubat ajaib yang dapat menyembuh penyakit negara kita. Media terbitan banyak mengarang bahawa selepas Belanjawan 1998 diumumkan pasaran saham dan mata wang akan pulih. Rakyat Malaysia seolah-olah hauskan sesuatu. Tetapi selepas pengumuman Belanjawan 1998, ramai berputus asa. Saham tidak naik, nilai mata wang terjunam, tambahan pula lesen memandu kereta dagangan, pasport dan lain-lain pula dinaikkan. Ramai wakil rakyat telah menyuarakan tidak puas hati berkenaan kenaikan bayaran lesen memandu dan pasport. Ini menunjukkan bahawa ramai orang membantah kedua-dua kenaikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang membimbangkan sekarang pemimpin-pemimpin negara menyeru semua pihak berjimat cermat dalam perbelanjaan harian. Tetapi rakyat tidak dapat mengelakkan inflasi. Apa yang diumumkan rasmi boleh naik, harga memang terus naik secara terbuka. Yang secara sunyi-sunyi barang-barang kegunaan harian baik untuk makan atau kegunaan banyak telah naik harga juga. Pemimpin-pemimpin negara sekarang mempertahankan dasar membenarkan kenaikan cukai dan harga barangan semua berkata ini tidak akan membebankan. Mana boleh membebankan, kerana kocek kami telah jadi ringan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari masalah-masalah seperti yang disebutkan tadi yang merunsingkan rakyat kita juga terdapat sekatan-sekatan dan cara pentadbiran kerajaan yang dirunguti dan dibantahi oleh rakyat juga. Misalnya, Kementerian Pengangkutan memutuskan mulai 15 Disember tahun ini semua kenderaan perdagangan, iaitu lori, van dan pick-up dilarang membawa barangan yang lebih panjang dan tinggi daripada kenderaan. Ramai peniaga-peniaga runcit terutama sekali kedai hardware, kedai perabot, kedai papan kayu, tukang paip, tukang elektrik dan lain-lain telah menyuarakan perbantahan mereka.

Sila membayangkan jikalau kita pergi ke kedai untuk membeli sebatang kayu atau sebatang paip air untuk membaiki rumah kita, sudah pasti kayu dan paip air akan panjang dari badan lori kecil, iaitu lori yang boleh muat satu-dua tan. Dengan penguatkuasaan larangan ini, pekedai perlu memakai lori besar untuk mengangkut barang-barang ini ke rumah kita. Maka sewa lori mesti

tinggi dari barang yang kita beli. Saya berpendapat bahawa larangan ini boleh dikuatkuasa di lebuhraya dan juga mengikut jenis barangan itu. Oleh kerana barangan yang diangkut di lebuhraya adalah secara borong dan perjalanannya pun jauh.

Tuan Yang di-Pertua, ini dapat diangkut dengan kenderaan yang sesuai. Tetapi di pasaran runcit, iaitu di pekan dan di desa, memang ia perlu memakai van, pick-up atau lori kecil untuk mengangkut barang-barang ini. Maka saya merayu supaya larangan ini dapat dipertimbangkan semula. Menteri Pengangkutan berkata hanya 5% sahaja kenderaan yang terlibat dalam larangan ini. Saya agak ini adalah satu tafsiran yang salah. Sebab kami boleh lihat di bandar, di desa barang-barang yang diangkut untuk dihantar kepada pelanggan-pelanggan banyak terlibat dalam larangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan saman ekor oleh traffic corps. Tempoh hari kami mendengar Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan telah berkata bahawa ada sebanyak 800,000 saman ekor telah dihantar keluar dan hanya terdapat 120,000 sahaja diselesaikan. Dalam saman ekor ini telah timbul banyak ketidakadilan, dan ramai orang yang kena saman ini merasa tidak puas hati dan juga telah terdapat banyak kesalahan dalam saman ekor ini. Saya cuma hendak membangkitkan dua-tiga misal untuk menunjukkan kesalahan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ada sebuah kereta bernombor PDL 5371, motokar ini dikeluarkan atau didaftar hanya pada 28 September 1996, tetapi dituduh melakukan kesalahan pada 27 Mac 1996, iaitu satu kesalahan dilakukan

sebelum kereta ini didaftar atau dibeli, dan juga kesalahannya memang ajaib. Jenis kesalahan, ekzos bising, tidak ada cermin pandang belakang, gagal berhenti. Tiga kesalahan dalam satu saman ini. Tetapi dalam saman ini jenis kenderaan ialah motosikal. Kalau motosikal barulah ada ekzos bising, tidak pasang cermin pandang belakang dan gagal berhenti. Tetapi sebenarnya PDL 5371 ini adalah sebuah motorkar. Jadi, ini memang satu saman yang salah telah dikeluarkan.

Yang kedua, juga sedemikian, sebuah kereta PDS 9360 yang didaftarkan pada 30 Mei tahun ini, tetapi kesalahan berlaku pada 12 Mei tahun ini, iaitu juga kesalahan berlaku sebelum kereta ini dibeli atau didaftarkan. Dan lagi ajaib, tuduhan kesalahan ialah tidak memakai topi keledar, memandu kereta dengan tidak memakai topi keledar. Mana boleh jadi macam ini.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Boleh, boleh.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah Ahli Yang Berhormat dari Bagan. Saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan, Yang Berhormat menyatakan tadi ialah memohon dan menyarankan supaya saman ekor melalui Ops Pacak ini dihentikan. Tetapi perkara yang dikaitkan ialah mengenai dengan salah saman dan sebagainya. Jadi, adakah Yang Berhormat faham bahawa saman itu dibuat dan dikeluarkan apabila sesuatu kenderaan itu melakukan kesalahan di hadapan

anggota polis. Tetapi kadang-kadang apabila permohonan maklumat itu dikemukakan diminta oleh pihak polis, namun orang kena tuduh (OKS) ataupun Orang Kena Tuduh (OKT) tidak memberikan maklumat kepada pihak polis yang berkenaan. Jadi, kemungkinan ianya tidak salah kepada sistem, tetapi yang silapnya ialah terdapat kenderaan-kenderaan yang menggunakan nombor pendaftaran palsu. Jadi, bagaimana pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, memang saya juga syaki bahawa kenderaan yang dijumpa atau dinampak oleh anggota polis itu memang mungkin mereka pakai nombor pendaftaran yang palsu. Juga orang yang kena tuduh (OKT) tidak diberi peluang langsung untuk mengemukakan apa-apa penerangan. Mereka hanya menerima saman itu melalui pos dan mereka mendapati bahawa butir-butir yang telah dibutirkan adalah salah.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, sebuah motokar BCX 7407 telah didapati tidak memakai tali pinggang keledar, tidak mematuhi arahan pegawai polis, dua kesalahan dan boleh didenda sebanyak RM100 untuk tuduhan pertama, dan RM300 untuk kesalahan kedua. Sebenarnya pengguna kenderaan ini adalah seorang tauke restoran, dan kesalahan dilakukan pada 12 tengah hari. Cuba bayangkan, seorang pekedai yang menjalankan restoran. Pada pukul 12 tengah hari itulah amat penting kepada beliau.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Beliau kena jaga kedai.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kuala Pilah bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Saya habiskan ini dahulu. *[Ketawa]* Jadi, dia memang tidak puas hati, dia kata “tiap-tiap hari pukul 12.00 saya perlu jaga kedai. Mana saya ada pergi ke satu tempat yang melakukan kedua-dua kesalahan ini?” juga dia kata kalau dia tidak mematuhi arahan pegawai polis yang bertugas, bermakna mungkin ada polis untuk menyekat dia atau menahan dia. Kalau ada polis sekat dia atau menahan dia, dia mesti berhenti. Tetapi dia kena buta sahaja, tidak tahu apa kesalahan itu. Sila.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya meminta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Bagan. Apabila membangkitkan isu yang berkenaan, polis saman ekor tidak betul, kenderaan silap, saya hendak bertanya kepada beliau apakah tindakan beliau selaku Wakil Rakyat Parlimen, adakah beliau pernah pergi membawa kes ini kepada Ketua Polis Daerah yang berkenaan atau polis negeri, sebelum bawa ke Parlimen ini?

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih. Sebagai seorang Wakil Rakyat, saya tahulah apa tanggungjawab saya, dan oleh kerana misalannya kesalahan ini berlaku di Kuala Muda, iaitu di Kedah, tidak mungkin saya pergi sendiri ke Kuala Muda untuk mengemukakan bukti-bukti. Saya telah membuat kerja saya dengan menghantar fotostat gran atau surat pendafron kereta untuk menunjukkan bahawa ia bukan sebuah motosikal dan juga apa-apa yang perlu saya buat, saya telah buat. Jikalau ia berlaku di Butterworth, iaitu SPU atau SPT saya sendiri akan pergi menguruskan. Pegawai yang bertugas berkata,

kalau butir-butir atau maklumat salah mungkin memang saman itu boleh dimansuhkan.

Saya timbulkan masalah ini ialah kerana ia menjadikan satu ketidakpuasan hati kepada orang ramai, kerana mereka tidak tahu apa yang telah berlaku kepada beliau. Malahan pula saman ekor ini diberi selepas enam bulan, tujuh bulan sehingga 18 bulan berlakunya kesalahan baru mereka terima, dan mereka langsung tidak boleh ingat apa telah terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua orang peniaga disaman bahawa mereka melakukan kesalahan di Perai pada 5 Jun 1996, jam 7.10 pagi kerana melanggar lampu merah, iaitu tidak berhenti di lampu merah. Mereka tinggal di Bukit Mertajam. Mereka kata mereka ini adalah ahli peniagaan, boleh dikatakan taukelah. Mereka bangun hanya pada pukul 9.00 pagi, tiap-tiap hari pukul 9.00 pagi baru bangun. Selepas itu baru mereka pergi keluar buat niaga. Mana boleh mereka bawa kereta pergi ke Perai, iaitu dekat Charlin Park pada pukul 7.10 pagi. Itu memang mereka tidak puas hati mengenai tuduhan ini.

Dr. Tan Chong Keng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Kawan baik.

Dr. Tan Chong Keng: Minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Bagan. Pertama, adakah dia pasti bahawa tidak ada orang lain yang pinjam kereta itu atau membawa kereta itu? Yang kedua, adakah dia menyaksikan, dia ada tidur sampai pukul 6.00 pagi? *[Ketawa]*

Tuan Lim Hock Seng: Saya merasa sedihlah, kerana kedua-dua orang ini adalah kawan baik, Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Selepas kedua-dua orang ini muncul dalam satu sidang akhbar, Wakil Rakyat dari Bukit Mertajam marah kepada mereka, “Apa fasal, saya Wakil Rakyat Bukit Mertajam, saya tidak hendak you cari saya, you pergi Bagan cari DAP punya wakil rakyat.” Sekarang sama ada saya ada menyaksikan bahawa kedua-dua kawan itu bangun pada pukul 9.00 atau pada pukul 6.00 pagi, saya akan balik untuk memberitahu kawan-kawan ini bahawa Wakil Rakyat dari Bukit Mertajam kata “saya tidak nampak mereka bangun pada pukul 9.00 pagi.” Baik, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat...

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ada lagi.

Tuan Lim Hock Seng: Saya tidak ada masa. Saya ada 20 minit, saya banyak lagi mahu cerita.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kalau tidak mahu beri jalan, teruskan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, had laju. Mereka kata dalam saman ekor ini, jenis kesalahan had laju, tetapi tidak memberitahu had laju berapa. Jikalau had laju 112 kilometer sejam, iaitu 2 kilometer lebih dari had laju. Tiada tulis atau lari 150 kilometer sejam tiada tulis. Kemudian saya pergi jumpa dengan pegawai polis, dia kata kalau mahu tengok gambar boleh.

Kalau mahu tengok gambar RM150 tidak kurang. Kalau tidak mahu tengok gambar, bayar sahaja boleh kurang sedikit, RM100. Apa macam polis states sekarang ini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Boleh beri sedikit. Ini saya sokong Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua, berikan saya masa yang panjang saya boleh layan. Tetapi saya ada banyak lagi hendak....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Batang Lupar, dia tidak hendak beri jalan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya beri masa sayalah.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Itu tidak muncul, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, bayaran kompaun yang dibayar tidak dapat dituntut balik. Ada satu kes, ini bukan berkenaan saman ekor. Dia bayar pada satu masa yang lebih awal RM100. Kemudian, dia sudah simpan resitnya. Bila dia hendak pergi menukar atau membaharui cukai lesen, dia dikatakan masih ada saman yang belum jelas. Dia kata dia sudah jelas. Dia kata mana bukti. Dia tidak dapat tunjuk bukti. Kemudian, dia kena pergi bayar sekali lagi untuk kesalahan yang sama, dan kali ini dia bayar RM150. Apabila selesai membaharui cukai jalan dan semuanya, beliau baru dapat cari balik saman yang dia bayar itu. Jadi, sudah bayar dua kali. Bila bayar senang, bayar

kepada kerajaan banyak senang, tetapi kalau mahu tuntutan balik dari kerajaan, susah. Saya pergi ke pejabat polis, saya tanya apa macam mahu tuntutan balik duit ini. Dia cakap you tulis suratlah. Saya cakap borang yang sedia ada boleh adakah. Dia kata tidak ada, tulis surat sahaja. Mana mahu tulis. Jadi, ini semua menimbulkan ketidakpuas hati orang ramai, dan juga tidak ada peluang untuk menjelaskan kepada anggota polis pada masa melakukan kesalahan. Tempoh melakukan kesalahan dan tarikh saman sangat panjang, iaitu satu hingga 8 bulan. Mungkin mereka tidak dapat ingat lagi, tidak dapat membaharui lesen memandu dan cukai jalan kerana mereka belum selesaikan kompaun ini. Mereka kena bayar dengan bantahan kerana...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Lim Hock Seng: Itulah, saya ada banyak lagi. Tuan Yang di-Pertua, boleh beri saya sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau satu kes demi satu kes, sampai bila pun tidak boleh habis.

Tuan Lim Hock Seng: Ya. Tuan Yang di-Pertua, slogan polis. Kalau kami pergi mana-mana balai polis, slogan polis “cepat dan betul”. Bila-bila pergi “cepat dan betul”, tetapi semua ini salah. *[Ketawa]* Lagi tahun ini hendak mencapai ISO 9000, tidak dapat mereka mencapainya oleh kerana ada banyak kesalahan yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan kadar tol oleh PLUS. Ramai Ahli Yang Berhormat dari sana khasnya MCA dan Gerakan melaung-laung tidak benarkan mereka menaikkan tol. Tetapi ini satu perjanjian yang ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan dengan UE pada masa itu. Sebab itulah pada tahun 1987 Ketua Pembangkang telah mencabar kesahihan penswastaaan Lebuhraya Utara-Selatan kepada PLUS, tetapi mereka putar-belit kata kami membantah pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan. Sebenarnya tidak. Ketua Pembangkang mencabar kesahihan penswastaaan lebuhraya kepada United Engineers kerana tender terbuka tidak dijalankan dan isi kandungan kontrak tidak diberitahu

kepada orang ramai. Itulah kami mencabarkan, tetapi semua hendak mempertahankan kerajaan, dan hari ini kami kena memikul hakikat ini. Ada juga Ahli Yang Berhormat dari sana mencadangkan supaya dipanjangkan tempoh sehingga 60 tahun. Tidak cukupkah kami menanggung tanggungjawab, ini sehingga anak cucu kita pun kena menanggung.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mahu tangguh atau mahu kurangkan kadar tol, kerajaan kena beri pampasan. Kerajaan telah memberi RM172 million oleh kerana penangguhan sembilan bulan sahaja pada tahun 1995. Jadi, satu jumlah yang begitu besar kena dipikul oleh kerajaan dan pampasan yang diberi oleh kerajaan itu, wang cukai rakyat juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

Tuan Lim Hock Seng: Bolehkah saya membangkitkan lagi satu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya sudah beritahu, masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Yang ini berkenaan dengan kakitangan kerajaan. Mereka telah tertipu oleh Yayasan Kobena Berhad dan juga Koperasi Pengguna Malaysia Berhad.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Cuma singkat sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, bukankah elok kalau Yang Berhormat bangkitkan perkara ini dalam peringkat Jawatankuasa ya.

Tuan Lim Hock Seng: Itulah tadi saya layan sangat. Saya ucapkan
berbanyak-banyak terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Lanang.

4.32 ptg.

Tuan Tiong Thai King [Lanang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan dan mengemukakan pandangan saya berkenaan Belanjawan 1998.

Terlebih dahulu saya ingin menyatakan sokongan padu saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang telah membentangkan Belanjawan 1998. Walaupun ada yang menyifatkan Belanjawan 1998 sebagai belanjawan pahit dengan alasan kemerosotan nilai wang ringgit, kenaikan cukai barang-barang import yang dibentangkan yang membebankan para pengguna, tambahan kepada ibu bapa yang menyekolahkan anak-anak di luar negeri terpaksa menanggung bebanan berat. Akan tetapi, saya percaya Belanjawan 1998 pasti dipertimbangkan semasak-masaknya sebelum dibentangkan. Ia berdasarkan situasi ekonomi kini dan bertujuan menentang aktiviti-aktiviti spekulasi.

Belanjawan 1998 juga mengambil kira ekonomi negara masa depan dan arah pembangunan. Maka Belanjawan 1998 boleh dikatakan belanjawan yang wajar, bijak, berani, sederhana dan objektif dan patut disokong oleh seluruh rakyat. Daripada pengumuman Belanjawan 1998 kita boleh lihat hujah-hujah seperti berikut.

- (i) menstabilkan kedudukan kewangan, mengekalkan pertumbuhan jangka masa panjang;
- (ii) kerajaan bertindak berhati-hati dan melabur dalam kemudahan infrastruktur yang utama untuk meningkatkan daya produktiviti, teknik dan pembangunan modal;
- (iii) kerajaan sedaya upaya membantu sektor swasta supaya mempunyai daya persaingan di pasaran antarabangsa;
- (iv) kerajaan menggalakkan pengeksporan untuk mengimbangi perbelanjaan;
- (v) kerajaan sedaya upaya memulihkan kestabilan pasaran kewangan dan mengekalkan dasar mata wang demi menjamin pertumbuhan yang sederhana dan sihat;
- (vi) mengamalkan dasar jimat cermat agar belanjawan memperolehi lebihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudi mengemukakan beberapa cadangan tentang Belanjawan 1998 dan harap dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

- (i) Setiap tahun lulusan menengah kian banyak tetapi bilangan universiti dan pusat pengajian tinggi tempatan tidak dapat menampung mereka malah kursus-kursus yang ingin dipelajari mereka tidak disediakan atau tidak cukup. Sekiranya mereka tidak digalakkan menuntut di luar negara kemungkinan negara kita akan ketinggalan dalam bidang sains dan teknologi. Ini kan merugikan kemajuan

teknologi negara kita. Di sini saya mencadangkan agar ibu bapa yang menghantar anak-anak berumur 18 tahun ke atas untuk menuntut di luar negeri bagi mengikuti kursus-kursus seperti sains dan matematik, komputer, teknologi maklumat terus menikmati pemotongan cukai tanggungan anak yang sama seperti tahun 1997.

(ii) Di Sarawak, industri pembalakan menduduki tempat ketiga selepas gas cecair asli dan petroleum dalam pertukaran wang asing. Balak juga merupakan industri yang produktif dan menyediakan banyak peluang pekerjaan. Kini harga papan lapis dan lain-lain barangan siap dari kayu balak merosot kira-kira 30%. Tambahan pula berikutan dengan kemerosotan nilai wang Ringgit kira-kira 30%, harga jentera berat dan alat-alat gantinya juga melambung naik sebanyak 30%. Ini merumitkan pengusaha industri pembalakan. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan jentera balak dan alat-alat ganti yang diimport yang berkaitan dengan industri pembalakan dikenakan cukai yang sama seperti tahun 1997.

(iii) Kerajaan telah menangguhkan beberapa projek pembangunan gergasi tetapi selama ini penduduk Sarawak tertunggu-tunggu pembinaan jambatan Durin. Oleh itu kami benar-benar berharap kerajaan memulakan projek

tersebut dengan secepat mungkin. Tuan Yang di-Pertua, untuk menangani masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara kita sekarang kerjaan terus mengekalkan pasaran terbuka, giat memajukan industri kecil dan sederhana, meningkatkan teknologi maklumat dan elektronik, melaksanakan Koridor Raya Multimedia, mencadangkan pelaksanaan sekolah bestari, membasmi kemiskinan, memperbaiki kehidupan dan kebajikan penduduk desa, maka seluruh rakyat harus menyokong sepenuhnya Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, banyak sedikit spekulasi dari luar cemburu terhadap pencapaian gemilang negara kita dalam pembinaan ekonomi dan mengambil jalan yang tidak bermoral untuk meruntuhkan tembok kekukuhan ekonomi kita sehingga pasaran saham jatuh mendadak dan nilai wang Ringgit pun merosot.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru seluruh rakyat memberikan sokongan padu kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri terus memimpin negara kita ke arah perpaduan dan kestabilan. Di sini saya menyokong Belanjawan 1998 dengan sepenuhnya. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kuala Pilah.

4.40 ptg.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk

saya mengambil bahagian untuk membahaskan Belanjawan Negara 1998 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri , merangkap Menteri Kewangan pada tanggal 17 Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kegawatan ekonomi sekarang serta beberapa langkah drastik yang diambil dalam pembentangan Belanjawan kali ini termasuk pemotongan 2% dalam perbelanjaan kerajaan, penekanan terhadap kepentingan rakyat dan pembangunan sosial tetap tidak dilupakan. Belanjawan kali ini saya anggap sebagai senjata berkesan dalam usaha memperbaiki ekonomi negara. Kita semua percaya dan yakin bahawa kerajaan yang ada sekarang insya-Allah mempunyai segala keupayaan untuk memulihkan semula ekonomi negara kembali kukuh apabila nilai mata wang kita dapat diperbaiki berdasarkan kekuatan asas ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu selain daripada menghadapi permasalahan sosio-ekonomi, saya ingin menyarankan di Dewan yang mulia ini supaya kepimpinan regu dan gandingan baik di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim untuk memimpin dan mentadbir negara Malaysia supaya tidak diganggu-gugat atau diperlaga-lagakan oleh mana-mana pihak sama ada daripada dalam negeri atau luar. Bagi dalang-dalang dalam negara janganlah ada segelintiran kaum korporat yang telah kaya raya terlalu mementingkan diri, berlagak sebagai hipokrit hingga sanggup menggadaikan kesejahteraan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita sedang menghadapi bermacam-macam fitnah dari luar, dalam pelbagai isu mempunyai agenda tertentu yang tidak baik, saya ingin mengingatkan diri saya dan semua rakan Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini serta juga seluruh pemimpin kerajaan, swasta dan masyarakat Malaysia umumnya demi untuk mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan negara kita terus maju sehingga mencapai hasrat Wawasan 2020, maka mulai sekarang berhentikanlah segala perbuatan berbentuk fitnah yang terkutuk seperti perbuatan surat layang yang ditujukan terhadap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, segala agenda dan motif jahat daripada mana-mana pihak sekalipun yang cuba menjatuhkan dan melaga-lagakan kedua-dua pemimpin agung kita ini eloklah diberhentikan sama sekali. Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek ini saya mencadangkan kepada pihak yang bertanggungjawab seperti polis, BPR dan Jabatan Peguam Negara supaya mengambil tindakan yang tegas mengikut undang-undang yang sewajarnya tanpa mengira siapa sekalipun yang terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Libaran bangun.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]: Terima kasih, saya mahu penjelasan daripada sahabat saya di sebelah ini, adakah Yang Berhormat bersetuju tindakan tegas ini diambil tidak mengira apa sekalipun jawatan sama ada mereka menteri atau orang besar dan adakah Yang Berhormat setuju

bahawa buku yang bertajuk, *Anwar Terjerat Dalam Konspirasi Seks* diharamkan dan tindakan tegas diambil terhadap mereka yang terlibat?

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab soalan atau penjelasan yang diminta oleh sahabat saya. Apabila disebut berkenaan perkara-perkara yang tidak betul daripada segi keadilan tidak mengira siapa, tidak kira bulu, status, jawatan dan sebagainya, walaupun menteri sekalipun terlibat, tindakan mesti diambil demi untuk menunjukkan bahawa kita betul-betul serius untuk menangani permasalahan terkutuk ini. Dalam aspek percetakan buku, saya ingin menyatakan pendapat saya, setiap percetakan yang berunsur fitnah dan tidak bertanggungjawab adalah salah mengikut akta percetakan. Justeru itu bukan sahaja pihak yang bertanggungjawab diharamkan tetapi perlu juga menyiasat pencetak-pencetak yang tidak bertanggungjawab itu.

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan jahat serupa ini tidak sepatutnya dibiarkan malahan hendaklah betul-betul bertindak tegas dan serius bagi menangani gejala buruk ini. Sekarang adalah masanya untuk kita rakyat Malaysia bersatu padu dan membina benteng pertahanan ekonomi yang kukuh supaya jika serangan ekonomi pasca moden berlaku lagi negara mempunyai asas yang kukuh untuk bertahan kerana kita tidak mungkin akan mempunyai dua atau lebih gandingan mantap seperti Dr. Mahathir dan Anwar pada masa-masa akan datang. Belanjawan kali ini Tuan Yang di-Pertua dianggap ujian kritikal bukan sahaja terhadap kebijaksanaan dan kewibawaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Dato' Seri Anwar bin

Ibrahim sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tetapi juga terhadap survival seluruh rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah manifestasi keyakinan rakyat terhadap kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan juga disokong oleh pihak pembangkang yang tidak menyalahkan beliau terhadap kejatuhan nilai Ringgit, memperlihatkan bahawa budaya unik politik parti di negara ini yang meletakkan kepentingan nasional sebagai mengatasi segala-galanya. Saya ucapkan syabas kepada pihak pembangkang dalam perkara aspek ini. Segala tindakan jahat media asing untuk menjatuhkan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan juga melaga-lagakan pemimpin negara ini dengan tujuan menggugat kestabilan ekonomi dan politik negara telah mematangkan lagi minda dan tekad rakyat untuk bersatu padu menangani kerumitan yang melanda negara sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita semua berjaya mengatasi ujian ini insya-Allah kita berharap untuk menikmati era yang lebih gemilang pada masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang ingin saya menarik perhatian di Dewan ini ialah berkenaan dengan isu penswastaan. Dalam aspek ini sukacita saya menyarankan melalui Dewan yang mulia ini agar kerajaan perlu mengulangkaji atau review secara lebih terperinci dan menyeluruh secepat mungkin terhadap dasar penswastaan negara yang mana pada kebelakangan ini telah terdapat beberapa kelemahan dan kontroversi yang menjejaskan keyakinan orang ramai. Banyak teguran dan kritikan terhadap

dasar penswastaan sejak kebelakangan ini lebih berpunca kepada beberapa kelemahan di peringkat pegawasan seperti menyediakan syarat-syarat dan terma-terma yang tidak begitu berpatutan dalam surat perjanjian dengan pihak yang mendapat konsesi ataupun kontrak. Dan juga di peringkat penguatkuasaan yang tidak begitu sensitif kepada kepentingan dan kebajikan rakyat setempat oleh agensi-agensi yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat, izinkan saya menyampaikan rintihan dan perasaan tidak puas hati rakyat yang sepatutnya tidak boleh diabaikan oleh kerajaan. Agensi-agensi atau syarikat-syarikat swasta berikut adalah berupa contoh yang menimbulkan banyak kerumitan dan beban kepada orang ramai sehingga kerajaan terpaksa campur tangan untuk mententeramkan keadaan.

Pertama, isu kenaikan tol oleh PLUS - Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang diumumkan oleh Menteri Kerja Raya baru-baru ini untuk menaikkan kadar tol oleh PLUS antara 34 sen hingga RM3.62 mulai 1 Januari 1998 di Lebuhraya Utara-Selatan telah menimbulkan bantahan daripada pelbagai lapisan rakyat termasuk pandangan CUEPACS untuk memulaukan laluan tol kerana kadar kenaikan tol tersebut akan lebih membebankan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya sendiri dan ramai rakan Ahli Yang Berhormat yang lain di dalam Dewan ini telah kerap kali membangkit dan menyuarakan masalah yang sama sebelum ini tetapi malangnya kalau disemak catatan rekod *Hansard* kita berasa amat kecewa tentang sikap dan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya atau wakilnya

yang tidak menampakkan begitu serius, memberi jawapan seolah-olah melepaskan batuk di tangga sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu pada masa-masa akan datang eloklah Pak Menteri yang berkenaan mengubah sikapnya sedikit kerana janganlah dipandang sepi segala teguran ikhlas dan positif daripada ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Diharap juga kita semua jangan lupa tanggungjawab dan kedudukan kita bersama tentang kuasa kerajaan yang diberi oleh rakyat lima tahun sekali untuk kepentingan rakyat. Andainya kita lupa amanah yang diberikan oleh rakyat janganlah sampai masanya rakyat menghukum atau menolak kita dan kerajaan. Sebagai contoh nyata, sukacita saya menyatakan pendapat yang diberitahu sendiri oleh salah seorang ahli parlimen Britain dari parti Konservatif dalam lawatannya ke Parlimen kita baru-baru ini. Menurutnyanya antara sebab-sebab Konservatif kalah di luar dugaan parti Buruh dalam pilihanraya umum di Britain baru-baru ini adalah disebabkan perubahan sikap pengundi-pengundi secara menyeluruh dan mendadak tentang beberapa sebab kelemahan-kelamahan sikap pemimpin parti Konservatif yang tidak sensitif kepada kepentingan dan kebajikan rakyat.

Dalam isu tol ini saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana melalui keputusan kabinet baru-baru ini untuk menolak cadangan kenaikan kadar tol itu kerana ianya dianggap membebankan rakyat dan meminta PLUS mengemukakan cadangan baru amatlah kami alu-alukan.

Kedua, masalah penswastan air Selangor kepada syarikat Puncak Niaga Bhd. - Sebagaimana diketahui umum syarikat Puncak Niaga Bhd. adalah satu-satunya syarikat yang pertama di negara ini mendapat kemudahan untuk mengambilalih Jabatan Bekalan Air negeri Selangor melalui konsep penswastan air negeri. Sebilangan besar rakyat yang tinggal di kawasan Lembah Klang dan sebahagian kawasan Kuala Lumpur telah mengalami keputusan bekalan air yang amat teruk ekoran daripada pencemaran air disebabkan tumpahan minyak diesel kuari milik Kenneison Brothers Sdn. Bhd. di Hulu Langat yang kemudiannya mengalir ke dalam Sungai Langat. Faktor kelemahan pengawasan syarikat tersebut menyebabkan dua loji rawatan air yang berdekatan terpaksa ditutup sehingga melumpuhkan operasi banyak kilang yang menggunakan sumber air dan juga menyulitkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya menyokong sepenuhnya supaya syarikat Kenneison Brothers Sdn. Bhd. didakwa di mahkamah mengikut undang-undang yang lebih berat dan berpatutan. Saya menyarankan juga kepada semua pihak yang telah mengalami kerugian dan kesulitan supaya mengambil tindakan undang-undang sivil bagi mendapatkan ganti rugi atau pampasan yang sewajarnya terhadap syarikat pembekal Puncak Niaga Bhd. dan juga syarikat Kenneison Brothers. Pihak-pihak yang terlibat boleh menuntut seperti dalam kes ini berasaskan kepada status prinsip undang-undang common law of England yang telah lama wujud kira-kira satu kurun yang lalu melalui prinsip kes yang terkenal *Rylands vs Fletcher* tahun 1886 dan diterima pakai di

negara ini, membolehkan tindakan undang-undang diambil ke atas kedua-dua syarikat tersebut di atas tadi.

Syarikat Puncak Niaga Bhd. yang telah dipertanggungjawabkan untuk membekalkan air bersih kepada seluruh pengguna hendaklah menentukan segala aspek pengawasan dan penguatkuasaan bekalan air bersih tidak terganggu. Jika punca pencemaran air dapat disah dan dikaitkan dengan syarikat Kenneison Brothers Bhd. maka dari segi prosedurnya undang-undang sivil terpulanglah kepada pihak yang berkenaan untuk mengubahsuaikan tindakan melalui dengan izin, third party proceeding. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pihak yang terlibat dengan pencemaran tersebut mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang. Justeru itu bagi pihak kerajaan khususnya Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar, saya sangat mengalu-alukan tindakan tegas diambil kepada mana-mana pihak yang terlibat.

Ketiga, syarikat-syarikat gergasi yang telah berjaya mengambilalih agensi kerajaan melalui konsep penswastaan hendaklah betul-betul bertanggungjawab dan sensitif terhadap kebajikan pekerja-pekerja mereka dan juga sensitif kepada kebajikan orang ramai. Majikan-majikan yang telah mendapat sokongan kerajaan janganlah terlalu sangat mementingkan diri dari segi mengaut keuntungan besar sahaja di samping itu melupakan obligasi sosialnya kepada pihak-pihak yang ada kaitan dan juga kepada masyarakat sejagat. Sebagai contoh projek IPP, pembekalan tenaga elektrik oleh syarikat YTL, tidak menampakkan sedikit pun berpatutan apabila mengenakan kadar

bayaran bekalan kuasa elektrik yang begitu tinggi kepada pengguna. Sepatutnya dengan adanya kemudahan yang diberi oleh kerajaan mereka sepatutnya bersikap menggunakan dengan izin, win-win situation, tidak semata-mata mencari keuntungan yang terlalu banyak.

Keempat, saya menyeru kepada kerajaan supaya agensi-agensi kerajaan di mana melibatkan banyak kepentingan orang ramai yang ada memiliki bank hartanah yang banyak seperti Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH), FELDA, FELCRA dan termasuk RISDA juga, agar kerajaan hendaklah betul-betul berhati-hati sebelum menswastakan agensi-agensi ini. Saya mencadangkan supaya kerajaan hendaklah mengkaji secara terperinci segala anak-anak syarikat yang ditubuhkan oleh syarikat-syarikat yang berkenaan dan tentukan segala asetnya terkawal.

Kelima, ruang dan kemudahan untuk mendapatkan kontrak atau mengambilalih agensi-agensi kerajaan dalam projek penswastaaan hendaklah dibahagi-bahagikan kepada lebih ramai orang atau syarikat, dan janganlah dimonopoli oleh segelintiran kumpulan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini membangkitkan perkara protokol yang pernah dibangkitkan oleh presiden back-benchers satu ketika dahulu. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan melalui Bahagian Protokol di Jabatan Perdana Menteri mengkaji secara lebih berhemah dan rasional tentang kedudukan protokol Ahli-ahli Parlimen apabila menghadiri majlis-majlis rasmi diperingkat-peringkat negeri. Adalah didapati pada masa kebelakangan ini kehadiran Ahli-ahli Parlimen di

peringkat-peringkat negeri seolah-olah mereka ini dipinggirkan. Kadangkala tempat duduk pun tidak ada dan juga kadangkala ditempatkan di satu tempat yang sama taraf sebagai pegawai-pegawai daerah sahaja. Jangan lupa Tuan Yang di-Pertua, Dewan Parlimen ialah satu-satunya tempat yang maha tinggi dari segi konsep yang dikatakan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan dengan sekali gus meletakkan kedudukan ahli parlimen yang dipilih oleh rakyat mempunyai tempat yang sepatutnya. Parlimen sebagai badan yang tertinggi di mana membuat dan meminda undang-undang dan sudah sewajarnya ahli-ahlinya ditempatkan di tempat yang sewajarnya juga, tidak sebagaimana sekarang ini ahli parlimen sebagai melukut di tepi gantang sahaja.

[*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, yang anehnya kami semua ini bukan orang baru - orang lama - pernah duduk di bawah, di peringkat negeri sebagai ADUN, Exco dan hari ini di Parlimen. Dan juga dalam parti pun kita adalah kumpulan yang menentukan para ADUN hendak menjadi wakil rakyat, tetapi apabila sudah menjadi ADUN kita pula duduk belakang daripada mereka. Di mana logiknya Tuan Yang di-Pertua. Saya harap perkara ini jangan diperkecilkan lagi, cukuplah jangan kita dihina lagi dan kita bukan hendak mendapatkan tempat, we are not conscious of what our position is, tetapi yang penting ialah moral kita jangan diperkecilkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita berjimat cermat membelanjakan wang sekarang ini, saya ingin menarik perhatian juga tentang kedudukan kawalan kewangan yang sewajarnya kepada pasukan tentera dan juga pasukan

Polis DiRaja Malaysia yang bertanggungjawab dari segi keselamatan awam dan negara kita diberi pertimbangan khas atau diberi pengecualian. Kita hendaklah sentiasa berwaspada dan sensitif kepada keadaan keselamatan kita di samping mengambil kira semua perkembangan yang berlaku di persekitaran kawasan dan negara-negara jiran. Diharap kerajaan lebih tahu adanya usaha bersungguh-sungguh negara jiran memperlengkapkan dengan izin, 'fire power'nya yang begitu besar dan sofistikated sekarang ini. Kita janganlah alpa dan tidak mahu terperangkap dalam keadaan yang tidak bersedia. Dengan ini saya tidak bercadang untuk kerajaan memperbesarkan angkatan tentera kita malahan apa yang kita ingin sarankan ialah suapaya kerajaan kita hendaklah memperlengkapkan bala tentera kita dengan alat-alat yang canggih dan sofistikated bersaing dengan keadaan semasa semata-mata bertujuan untuk menjaga dan mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara Malaysia tercinta.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Dalam keadaan dunia yang begitu bergelora sekarang ini. Malah dengan terang-terang wujudnya anasir asing yang tidak senang melihat negara kita berjaya dan maju. Persoalannya apakah logik dan rasionalnya apabila ada sebuah negara kecil berjiranan dengan kita senyap-senyap mempertingkatkan fire powernya begitu besar dan hebat. Ini perlu kita sama-sama renungi tanda adanya sesuatu muslihat yang tersembunyi.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mencadangkan supaya konsep atau cara untuk memulihkan penagih-penagih dadah yang dirawat di pusat pemulihan serenti diulangaji secara terperinci agar sesuatu perubahan berbentuk menanamkan kesedaran serta keinsafan sebenarnya melalui konsep pendekatan ciri-ciri keagamaan selain daripada apa yang dilakukan sekarang supaya dapat dipraktikkan untuk menentukan apabila mereka keluar daripada pusat-pusat ini mereka tidak balik semula menagih dadah. Kerajaan telah membelanjakan banyak juta Ringgit Malaysia tiap-tiap tahun bagi tujuan merawat puluhan ribu penagih dadah di negara ini. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan khususnya PEMADAM yang mana telah begitu bersungguh-sungguh berusaha untuk menangani masalah dadah di negara ini, malangnya setakat ini lebih kurang 60% daripada pelatih di pusat serenti itu akan kembali semula kepada tabiat yang lama apabila keluar. Itulah sebabnya saya mencadangkan supaya pendekatan agama dibuat. Sekian, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Bharu

5.04 ptg.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja dalam membahas Belanjawan 1998.

Pertama, saya sepertimana ahli-ahli dewan ini yang telah berucap terdahulu daripada saya, suka juga saya menyarankan supaya semua rakyat Malaysia prihatin dengan masalah-masalah negara, dan jika kita menyayangi, mencintai negara kita maka kita harus berdiri teguh di belakang pimpinan

negara khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, menyatakan sokongan tidak memadai, ia harus disusuli dengan bukti keikhlasan. Sebagai rakyat biasa kita boleh melalui pelbagai cara menunjukkan minat untuk membantu kerajaan membendung masalah-masalah yang dihadapi oleh negara. Semua rakyat Malaysia adalah pengguna, inilah masanya kita membuktikan kematangan kita sebagai pengguna yang bijak, mengawal perbelanjaan dan prihatin dalam memastikan keutamaan diberi kepada barangan atau produk hasil buatan Malaysia. Musim perayaan menjelang tiba, bermula dengan Deepavali diikuti dengan Krismas dan seterusnya hari Raya Puasa dan Tahun Baru Cina. Bagi rakyat yang beragama Hindu yang ada kecenderungan membeli barangan dari negara India, suka saya mengajak mereka supaya membendung kecenderungan itu. Begitu jugalah dengan kaum Tionghua harus berikhtiar bersungguh-sungguh mencari alternatif tempatan bagi barangan dari negara China. Manakala yang beragama Kristian eloklah merayakan Krismas ala Malaysia. Makanan, minuman dan hiasan Krismas eloklah pasti sebahagian besarnya hasil buatan Malaysia. Kurangkan membeli barangan import dari Barat.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengajak mereka yang seagama dengan saya iaitu Islam, marilah kita benar-benar menghayati ajaran agama kita supaya berjimat cermat, membelanja secara sederhana. Marilah kita merayakan Hari Raya Puasa dengan cara yang lebih sesuai. Hari Raya Puasa adalah hari kemuncak setelah berpuasa dan berdisiplin selama sebulan pada bulan

Ramadhan. Masyarakat Islam Malaysia terpaksa mengakui hakikat bahawa ramai di kalangan kita yang mengambil sikap bulan Ramadhan adalah bulan untuk kita menjamu selera selama sebulan. Apabila kita berbuka puasa di rumah, lazimnya kita pastikan hidangan istimewa hampir tiap-tiap hari. Pada bulan Ramadhan juga banyak majlis berbuka puasa diadakan dan jamuan makan yang diadakan pada kebanyakan majlis itu bertaraf pesta makan. Apabila Hari Raya Puasa menjelang tiba ramai masyarakat Islam Malaysia ghairah untuk menukar hiasan rumah, menyediakan pelbagai juadah berlebihan dan membeli pakaian baru walaupun sudah cukup. Pendek kata kita telah lupa kepada disiplin dan kesederhanaan yang diajarkan sepanjang bulan Ramadhan. Oleh itu dalam keadaan negara memerlukan kita berjimat -cermat, marilah kita masyarakat Islam insaf dan menunjukkan disiplin yang tinggi dan berbelanja dengan sederhana pada bulan Ramadhan untuk persiapan hari raya malah sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan November dan Disember ramai menteri dan timbalan menteri, pegawai-pegawai tinggi kerajaan, ahli-ahli korporat dan rakyat yang berada mengambil kesempatan cuti sekolah untuk bercuti bersama keluarga dan lazimnya mereka memilih untuk bercuti di luar negara. Memang sangat baik untuk mereka yang telah bekerja keras sepanjang tahun bercuti dan berehat bersama keluarga, tetapi jika perbelanjaan bercuti menggunakan wang kerajaan iaitu wang rakyat maka dalam keadaan negara yang memerlukan sokongan mengawal pengeluaran wang negara wajarlah mereka memilih untuk bercuti di dalam negeri. Saranan ini juga dituju kepada

ahli korporat di mana syarikat korporat mereka dimiliki kerajaan atau sebahagiannya dimiliki kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya suka mencadangkan supaya semua kemudahan pinjaman kereta yang diberi oleh kerajaan, syarikat milik kerajaan atau agensi kerajaan bermula tahun 1998 disyaratkan untuk pembelian kereta buatan Malaysia sahaja. Sehubungan dengan ini saya ingin merakamkan tahniah dan menyatakan syabas kepada Yang Berhormat dari Kuantan, merangkap Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berhormat dari Pendang, merangkap Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri kerana mereka menjadi teladan kepada orang-orang kerajaan dengan memilih kereta buatan Malaysia iaitu Proton Perdana walaupun ditawarkan kereta-kereta mewah import. Saya percaya menteri-menteri dan timbalan menteri dan semua pegawai kerajaan tidak keberatan untuk sama-sama menjadi teladan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya beralih kepada perkara kedua, saya ingin sentuh sedikit peranan ahli-ahli korporat individu, badan atau syarikat, pada waktu kerajaan bekerja keras menangani masalah ekonomi yang berpunca daripada kejatuhan nilai wang dan pasaran saham yang lemah pihak swasta khususnya syarikat-syarikat yang banyak mendapat pertolongan kerajaan seharusnya tampil membantu kerajaan. Sehubungan ini saya percaya pemegang-pemegang ekuiti PLUS masih ingat pertolongan kerajaan kepada mereka sewaktu pembinaan jalan baru diswastakan oleh kerajaan. Mereka tidak mempunyai kewangan yang mencukupi dan kerajaan telah membantu mereka

mendapatkan soft loan. Kalau tidak silap saya kerajaan telah memberi pinjaman kepada mereka. Saya percaya mereka faham pepatah ‘orang berbudi kita berbahasa’ dan dalam keadaan kerajaan ingin membendung inflasi ekoran kejatuhan nilai Ringgit, mereka (PLUS) memahami bahawa mereka tidak patut menaikkan kadar tol. Masalah inflasi kian membimbangkan, harga makanan termasuk harga barang terkawal naik dengan mendadak dan rakyat semakin gelisah. Masalah ini sedang ditangani oleh kerajaan. Oleh itu PLUS perlu bersimpati dengan kerajaan dan tangguhlah hasrat untuk menaikkan kadar tol.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya sentuh ialah mengenai keadilan sosial. Saya menyokong hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk meneruskan agenda sosial bagi pembangunan yang lebih menyeluruh. Saya bersyukur atas cadangan untuk memperuntukkan RM50 juta bagi membantu Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) mengimplimentasikan plan tindakan pembangunan wanita dengan berkesan dan pantas.

Sebenarnya RM50 juta tidaklah satu jumlah yang hebat tetapi dalam keadaan ekonomi sekarang saya tidak bercadang untuk memohon ia ditambah. Walau bagaimanapun, saya sangat mengharapkan HAWA akan diberi segala sokongan yang diperlukan. Saya difahamkan walaupun HAWA kini telah ditingkatkan ke taraf jabatan dan diketuai oleh seorang Ketua Pengarah, beliau hanya dibantu oleh empat orang pegawai dan 20 atau 22 orang kakitangan sahaja, iaitu keseluruhannya 26 orang. Apakah terdaya 26 orang ini menjalankan tugas-tugas yang kian meningkat khususnya di peringkat

antarabangsa di samping melaksanakan tanggungjawab nasional yang makin mencabar. Saya suka mengulangi saranan saya dahulu bahawa kerajaan harus bagi jangka panjang menubuh sebuah kementerian khas untuk wanita. Barulah ada rangkaian yang lebih kemas di setiap peringkat khususnya di peringkat negeri sehingga ke daerah. Buat masa sekarang HAWA perlu bergantung kuat kepada NGO wanita. Oleh itu ia perlu bijak mengagihkan sebahagian besar RM50 juta itu kepada NACIWID, NCWO dan NGOs lain. Ia harus juga memberi sokongan kewangan berdasarkan program-program mereka yang berada di bawah plan tindakan serta memberi perhatian kepada komitmen-komitmen atau janji-janji kerajaan di pelbagai persidangan mengenai pembangunan wanita.

Kerajaan sejak 1995 - ketika CHOGM - telah berjanji untuk memastikan 30% pembuat dasar akan terdiri daripada wanita dan peratusan itu akan tercapai selewat-lewatnya pada 2005. Saya berharap parti-parti komponen Barisan Nasional tidak berlengah-lengah membantu kerajaan menepati janji itu. Di sini saya mengambil kesempatan untuk menyanjungi usaha Presiden MCA dan pemimpin lain MCA yang telah menunjuk minat dalam membantu kerajaan mencapai sasaran 30% itu.

Saya memohon kepada pemimpin-pemimpin UMNO untuk sama-sama menunjuk minat yang sama tinggi. Mereka patut mencontohi Presiden UMNO selaku Perdana Menteri telah menyatakan pendirian tegasnya. Malah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah, isteri Perdana Menteri dalam persidangan peringkat Asia Pasifik mengenai wanita luar bandar dan

kemiskinan telah menyarankan supaya kerajaan-kerajaan dan pemimpin memastikan wanita-wanita terlibat dalam pembuatan dasar atau keputusan pada jumlah yang munasabah. Saya percaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, merangkap Timbalan Presiden UMNO tidak keberatan untuk membantu mengotakan janji yang dibuatkan oleh Perdana Menteri pada tahun 1995 itu. Kami wanita menunggu pernyataan pendirian pemimpin-pemimpinan UMNO semua peringkat untuk menyokong usaha kerajaan mencapai 30% pembuat dasar di semua peringkat terdiri daripada wanita.

Tuan Yang di-Pertua, demokrasi tiada makna, dengan izin meaningless jika ia tidak menghasilkan keadilan sosial. Wanita telah sama-sama berjuang untuk memerdekakan negara dan memastikan supaya negara diperintah mengikut sistem pemerintahan demokrasi yang mendaulkan suara rakyat. Demokrasi yang berteraskan keadilan sosial memerlukan penduduk wanita yang sama ramai dengan jumlah penduduk lelaki, diberi layanan dan peluang yang adil dan saksama. Apabila peluang membuat dasar hampir dimonopolikan oleh satu jantina maka keadaan ini dikatakan keadaan pincang dan harus segera diperbaiki. Sebahagian besar RM50 juta yang dicadangkan diperuntukkan itu haruslah digunakan untuk memperbaiki kepincangan itu.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyatakan penghargaan kepada beberapa ahli dewan rakyat lelaki termasuk Yang Berhormat dari Senai yang telah menyokong di dalam ucapan perbahasan mereka usaha kerajaan mengimbangi kedudukan antara lelaki dan wanita. Saya

percaya mereka mengalu-alukan pertambahan wanita sebagai ahli dewan rakyat.

Parlimen Britain pada bulan Mei tahun 1997 telah menyaksikan 119 wanita mengambil tempat sebagai ahli dewan rakyat iaitu suatu peningkatan sehingga 20%. Dewan Rakyat kita hanya ada 15 orang wanita iaitu 7.8% dan alangkah baiknya jika setelah pilihan raya akan datang iaitu tahun 1999 atau tahun 2000 Dewan ini menyaksikan 30 hingga 40 orang wanita [*Ketawa*] mengambil tempat sebagai ahli dewan iaitu pertambahan hingga 20% juga.

Tuan Yang di-Pertua, setelah 40 tahun Malaysia merdeka sudah sampai masa wanita-wanita yang berkeelayakan mengambil tempat pada jumlah yang wajarnya dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, masih menyentuh mengenai keadilan sosial, saya suka membangkitkan isu keadilan di kalangan Orang Asli. Baru-baru ini dalam sesi Soal-Jawab saya telah bertanyakan pada Jabatan Perdana Menteri sama ada benar atau tidak Orang Asli tidak diiktiraf sebagai bumiputera. Jawapan lisan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Orang Asli adalah bertaraf bumiputera telah pun disusuli dengan penjelasan bertulis yang menyatakan Orang Asli adalah secara de facto bumiputera tetapi tidak pula diberi taraf bumiputera di bawah Perlembagaan Malaysia.

Saya ingin menyedut daripada surat bertarikh 20 Oktober 1997 daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tersebut, “Berhubung dengan perkara ini sukalah saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa mengikut peruntukan di bawah Artikel 153 Perlembagaan, memberi kedudukan istimewa

kepada orang-orang Melayu dan kaum-kaum natif di Sabah dan Sarawak didasari oleh premis bahawa mereka adalah penduduk asal negara ini. Walau bagaimanapun, bagi Orang Asli kedudukan mereka tidak disebut dalam Artikel 153 sebaliknya kedudukan mereka diperuntukkan di bawah Artikel 8(5)(c) yang memberi kuasa bagi penggubalan undang-undang untuk kebajikan pentadbiran dan kemajuan mereka serta perizaban tanah dan jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun, dari segi dasar sosial dan ekonomi terutamanya selepas penggubalan Dasar Ekonomi Baru di mana pertama kalinya istilah bumiputera digunakan, Orang Asli dimasukkan sebagai tergolong dalam kategori bumiputera, oleh itu mereka layak dan memang pun mendapat faedah daripada dasar, peraturan dan program bagi meningkatkan taraf hidup golongan bumiputera. Bertolak daripada fakta terdahulu bolehlah dirumuskan secara de facto Orang Asli adalah diiktiraf sebagai bumiputera.”

Tuan Henrynus Amin [Kinabalu]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Minta maaf kerana banyak lagi saya hendak bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, golongan Orang Asli tidak menikmati kedudukan keistimewaan di bawah Artikel 153 Perlembagaan Malaysia yang antara lain menjamin untuk orang Melayu dan bumiputera keistimewaan melalui rizab kuota mengenai perkhidmatan awam, permit atau lesen perniagaan, tempat dalam universiti, maktab atau yayasan pelajaran dan lain-lain.

Artikel 8(5)(c) membolehkan kerajaan mengadakan keistimewaan yang sama untuk Orang Asli melalui undang-undang tertentu supaya Orang Asli juga menikmati jaminan keistimewaan rizab atau kuota jawatan yang sesuai dalam perkhidmatan awam, rizab tanah dan lain-lain keistimewaan. Tetapi mereka tidaklah seperti mana yang sama-sama kita dapati daripada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Mereka tidaklah secara legalnya bumiputera.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: *[Bangun]*

Tuan Jawah Anak Gerang [Lubuk Antu]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua orang bangun.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Minta maaf saya tidak dapat mengizinkan kerana panjang lagi ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, Akta 134, Aboriginal Peoples Act 1954 yang dikaji semula pada 1974 adalah akta yang seharusnya memberi perlindungan dan manfaat serta membantu memajukan Orang Asli. Kini jelas akta itu tidak banyak membantu Orang Asli. Golongan Orang Asli adalah golongan termiskin dan terpinggir di Malaysia. Akta itu digubal sewaktu kita semua masih dijajah, pendekatan yang diguna adalah pendekatan penjajah. Ulangkaji pada 23 tahun yang lalu iaitu 1974 tidak banyak memberi faedah kepada Orang Asli. Kini menjelang abad ke-21 dan alaf baru kita harus membantu golongan Orang Asli supaya mereka juga bersedia untuk memasuki abad 21 dan alaf baru. Sudah sampai masa Akta 134 dipinda atau dimansuh dan diganti dengan yang baru yang lebih menepati kehendak keperluan Orang Asli. Saya suka menyarankan supaya Kementerian

Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat segera mengadakan simposium yang dihadiri oleh wakil-wakil dari semua kaum Orang Asli iaitu golongan Temuan, Semai, Jakun, Kanak, Temok, Negrito dan lain-lain. Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia, Pusat Kepentingan Orang Asli, Yayasan Orang Asli di Perak, Pergerakan Belia 4B Orang Asli, Koperasi Kijang Emas dan lain-lain NGO yang berkaitan dengan Orang Asli serta pakar-pakar antropologi, perundangan, hak-hak asasi manusia dan lain-lain patut juga dilibatkan dalam simposium tersebut

Tuan Yang di-Pertua, sudah terlalu lama Orang Asli terpinggir. Sebuah artikel dalam akhbar *Sun* pada 9 Oktober 1997 telah menyebut bahawa mengikut statistik Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia, 80% Orang Asli berada di bawah paras kemiskinan. Syabas kepada akhbar *Sun* kerana menitik berat masalah Orang Asli. Mengikut Jabatan Statistik, Orang Asli yang mempunyai pekerjaan tetap hanyalah 29,298 orang, iaitu daripada jumlah 82,000 Orang Asli pada tahun 1991 (35%). Semenjak penubuhan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli iaitu pada 1950, jabatan itu telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan Orang Asli, tetapi nampaknya tidak banyak yang dapat dihasilkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat gulung ya.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: ...tapi alhamdulillah hari ini kita telah sama-sama mendengar bahawa Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah pun menyediakan satu plan strategik Orang Asli bagi tahun 1997 hingga 2005 yang akan memastikan Orang Asli dapat memasuki abad 21 dan alaf baru

dan mereka juga mengikut strategi-strategi yang akan diperkenalkan oleh jabatan tersebut dipastikan matlamat-matlamat plan strategik itu tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita memajukan Orang Asli kita harus prihatin akan hasrat mereka untuk mengekalkan identiti kebudayaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan masa tidak mengizinkan sedangkan saya banyak lagi hendak membincangkan perkara-perkara, saya akan membincangkan perkara-perkara tersebut dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Oleh itu saya sudahkan perbahasan saya dengan menyatakan sokongan kepada Belanjawan 1998.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong

5.25 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw: [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya nampak ada beberapa langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kekacauan ekonominya dan hari ini kita nampak pergolakan ekonomi sudah melanda Hong Kong. Dan hari ini juga kita nampak satu tamparan hebat kepada pasaran saham Amerika Syarikat di New York - New York Stock Exchange melt down kerana lebih 550 mata dan dengan sendiri ada satu close down perniagaan, ini bermakna mungkin satu petanda bahawa akan berlaku kemerosotan ekonomi dunia, satu petanda yang tidak begitu baik di sebelahnya tapi di sebelah yang lain ini menunjukkan masalah bukan di Malaysia sahaja malah di seluruh dunia.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yan bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Yan. Tak ada masa Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, dia bagi laluan. Terima kasih. Jadi Yang Berhormat bercakap pasal mungkin ekonomi dunia akan merosot. Jadi apa pandangan dan nasihat Yang Berhormat sebagai seorang wakil rakyat yang berpengalaman, berjiwa baik, cuma nak tunggu masa hendak masuk Barisan Nasional, tentang bagaimanakah caranya kita hendak menghadapi masalah ini sebagai rakyat biasa? Adakah Yang Berhormat juga ingin mengucapkan 'Selamat Deepavali' kepada orang-orang India kita?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang ada sebahagian dari penjelasan itu baik juga, tetapi sebahagian itu main gelembong-gelembongan sahaja. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ekonomi bergelora di seluruh dunia ini, saya berpendapat bahawa negara kita terutamanya Kementerian Kewangan mesti menunjukkan kepimpinan melalui teladan dengan mengenal pasti semua jenis kelemahan yang terdapat di negara ini dan dengan itu kita dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut, termasuk sistem kewangan kita yang sekarang bergantung kepada Dolar Amerika. Adakah kita mesti cari alternatif-alternatif, punca-punca kewangan alternaif, ada disebutkan bon dan sebagainya. Derivative setakat ini di negara ini sangat lemah, walau bagaimanapun, kita mesti berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencari jalan bagi mengatasi semua ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, ada isu-isu yang perlu kita mengambil perhatian untuk mengukuhkan asas ekonomi kita. Saya nampak Yang Amat Berhormat memang berhati-hati di dalam menggubal langkah-langkah untuk menangani masalah kurang keyakinan ke atas ekonomi kita buat sementara ini. Saya berpendapat kita mesti menjaga inflasi (cost push inflation) terutamanya seperti benda makanan kerana nilai Ringgit sudah menurun sampai 20%.

Selain daripada makanan, sektor-sektor seperti perbankan (over extended bank), dengan izin, highly geared companies dan sektor pembinaan dengan komponen import yang sangat besar. Daripada bank-bank yang mempunyai pinjaman-pinjaman non-performing loans, saya diberitahu bahawa pinjaman bank di negara ini yang tidak dapat dibayar (non-performing) meningkat kepada AS\$120 bilion non-performing loan. Ini sangat tinggi. Sama ada bolehkah Yang Berhormat.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu salah.....

Dr. Tan Seng Giaw: Salah ya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:.....kerana kita RM13.6 bilion sahaja non-performing loan.

Dr. Tan Seng Giaw: RM13.6 bilion, bukan AS\$120 bilion yang merupakan 15% daripada jumlah pinjaman bank.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Itu pun salah.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu salah juga.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ia hanya merupakan 3.6% daripada keseluruhan pinjaman bank.

Dr. Tan Seng Giaw: 3.6% ya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: 3.6%, satu angka yang terendah di dunia.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, yang terendah di dunia. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat dapat kembali ke kementeriannya untuk membuat kajian semula. *[Ketawa]* Beliau kata RM13.6 bilion dan juga 3.6% daripada jumlah pinjaman dan ini satu angka yang sangat rendah. Saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji semula. Kita mesti telus di dalam hal pinjaman ini kerana kita berharap semua masalah bank dapat diselesaikan dengan penuh disiplin, kerana kita tidak mahulah bank di Malaysia dilanda dengan nasib yang tidak baik seperti yang berlaku di Jepun dan Thailand kerana krisis Baht menyebabkan mereka memerlukan masa yang panjang untuk memulihkan keadaannya. Kita tidak mahu masalah ini berulang di Malaysia.

Dengan dasar-dasar kredit kita yang liberal dalam beberapa tahun yang lepas, memang aset-aset inflasi di dalam sektor hartanah dan di dalam pasaran saham pun sudah menjadi satu tahap yang sangat kritikal sekarang, walaupun Yang Berhormat dari Padang Terap tidak mahu mengakui kredit kita yang menyebabkan aset-aset inflasi di dalam sektor hartanah dan juga di pasaran saham.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan masalah pinjaman kerana saya nampak kementeriannya tidak begitu berhati-hati. Kalau ada

perhatian pun, saya percaya tidak cukup. Misalnya satu sekatan ceiling yang dikenakan ke atas semua bank di dalam pinjaman kepada hartanah dan juga pasaran saham, tetapi pada peringkat awal beberapa bulan yang lepas, saya nampak penguatkuasaannya tidak begitu berkesan, mungkin ada vested interest yang menghalang pihak kerajaan menguatkuasakan dengan efektif. Walau bagaimanapun, itu mesti kita mengkaji sama ada kita perlu memperkuatkan penguatkuasaan yang perlu dilaksanakan oleh kementeriannya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah sektor pembinaan. Sektor pembinaan dengan nilai Ringgit yang turun dalam semua komponen yang dieksport mesti kita mengambil perhatian walaupun ada beberapa langkah di dalam belanjawan untuk menyekat pengimportan barang-barang yang mewah dan sebagainya, tetapi tidak begitu mencukupi untuk menyelesaikan masalah. Saya nampak dengan adanya potongan 2% daripada cukai korporat, memang satu langkah yang dianggap betul oleh pihak kementerian. Mungkin dengan langkah ini pun bukan satu langkah yang semata-mata boleh menarik pelaburan daripada negara-negara asing, mungkin mereka tidak menumpukan perhatian kepada cukai korporat sahaja, ada faktor-faktor yang lain untuk meyakinkan mereka supaya datang ke Malaysia untuk melabur.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, dari segi ini saya sekali lagi menekankan bahawa Proton yang mempunyai perlindungan tarif dengan sekian lamanya mestilah mempertingkatkan usahanya untuk menjual kereta semua jenis Proton di pasaran dunia, bukan setakat Fiji sahaja, bukan setakat Indonesia sahaja, bukan setakat satu dua negara di Eropah sahaja, tetapi

matlamat kita mestilah menjual Proton atau semua jenis kereta/motokar buatan di Malaysia dijual kepada pasaran yang terbesar di dunia, iaitu Amerika Syarikat. Setakat ini, menurut kementerian, kita tidak mempunyai syarat yang cukup terutamanya dengan kos produksi dan sebagainya, tidak cukup untuk menjual motokar kita di pasaran Amerika Syarikat. Ini memang satu kelemahan yang telah saya sebutkan tadi, kelemahan yang tinggi, bukan sahaja satu dua tahun industri motokar di Malaysia tetapi hampir satu dekad. Takkan kita dapat di dalam tempoh yang begitu panjang tidak dapat mempertingkatkan kualiti Proton kita. Dengan meningkatkan kualiti ini, kita dapat jualkan kepada pasaran dunia yang terkemuka.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mempertingkatkan pasaran Proton untuk menjadikan ekonomi kita lebih kukuh, saya berharap dalam lingkungan lima tahun ini rizab kita akan meningkat daripada RM61 bilion kepada sekurang-kurangnya AS\$200 bilion rizab Malaysia. Itulah satu matlamat, satu sasaran perlu kita ada.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, AS\$200 bilion ini, Jepun pun 100 bilion sahaja, Yang Berhormat. Itu satu tahap yang cukup susah hendak dicapai.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup susah. Di China sekarang hampir 200 bilion?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Yalah, China ada 1.2 bilion manusia, kita ada 21 juta sahaja, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia mengaku salah dah sekarang. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah, berucaplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi mengenai hutang awam. Walaupun ianya disebutkan sebagai RM10.4 bilion hutang awam, ini tidak termasuk hutang luar negara yang dianggarkan sebagai AS\$27 bilion (RM81 bilion). Adakah ini satu angka yang benar - RM81 bilion hutang asing?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Itu pun tak benar. Tuan Speaker, dia ambil angka dari mana? Sebenarnya hutang negara (national debt) adalah RM71.8 bilion, bukan RM81 bilion. Yang Berhormat tambah semua! *[Ketawa]* Jadi, semua angka yang disebut adalah salah, Tuan Speaker, jadi ini masalah.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Speaker, saya tengok wakil dari Kepong ambil daripada *Suara DAP*, itu yang masuk dalam Internet dan pergi ke luar negara, merosakkan nama negara kita. Saya harap dia tak faham, eloklah jangan cakap.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat dari Padang Terap dapat kembali ke kementerian untuk mengkaji semula sama ada RM71 bilion itu betul ataupun tidak. Saya anggap angka yang diberi oleh kementerian itu rendah sedikit.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Speaker, dia keliru tadi. Sekali dia kata hutang awam, sekali dia kata hutang negara. Dia tidak tahu perbezaan di antara hutang negara dan hutang awam. *[Ketawa]* Jadi, ada tiga komponen dalam hutang negara iaitu hutang kerajaan, hutang pertubuhan bukan kewangan dan juga hutang private. Jadi, tiga komponen menjadikan hutang negara. Yang Berhormat ini bercakap yang mana satu?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu angka-angka yang diberi oleh pihak kementerian itu samar-samar, tidak begitu jelas, sebab kita meminta pihak kementerian supaya memberi satu angka penjelasan yang baik, yang terang kepada rakyat, jangan kita samar-samar seperti yang berlaku dengan kementeriannya. Sama ada pinjaman awam, pinjaman sektor swasta ataupun pinjaman luar negara, kita mesti terangkan angka yang sepatutnya. Itulah yang diminta pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada banyak masalah lagi, Tuan Yang di-Pertua, hendak saya bincangkan di sini, bukan setakat kewangan sahaja, fiskal, monetary dan sebagainya bahkan juga termasuk tiga masalah di dalam beberapa minit ini.

Yang pertamanya, mengenai wabak di Sarawak. Setakat ini kita tidak tahu sama ada disebabkan oleh enterovirus ataupun coxsackie. Pada satu ketika, Kementerian Kesihatan menjadi 'kementerian coxsackie', saya pun hairan juga mengapa menjadi kementerian coxsackie. Menurut satu kenyataan

daripada Dato' Dr. Abdul Aziz Mahmood di Kementerian Kesihatan, beliau ada menyebutkan bahawa kematian kerana enterovirus pada tahun ini, dalam 10 bulan ini, adalah 42 orang, ini mungkin termasuk 31 kematian di Sarawak. Ini dengan tidak secara langsung Kementerian Kesihatan mengakui kematian di Sarawak itu ialah disebabkan oleh enterovirus, bukan kerana coxsackie. Jadi, sekarang daripada kementerian coxsackie menjadi kementerian enterovirus, itu memang masalah. Sebab itu, saya minta satu penjelasan yang lengkap, yang tepat dan jitu mengenai kematian kerana enterovirus dan juga wabak Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang tidak boleh habis, ada lagi. *[Ketawa]* Ini termasuk di Langat. Tuan Yang di-Pertua pun mengambil perhatian kerana masalah di Hulu Langat, iaitu Sungai Langat ada pencemaran diesel sehingga dua.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah diucapkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Pilah tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia berucap dah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada sebutkan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kuala Pilah ucapkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia dah ucap, tetapi saya tidak dengar.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Dia duduk di luar tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah cukupkah?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi selain daripada pencemaran, satu minit sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jerlun.

5.48 ptg.

Dato Haji Hanafi bin Ramli [Jerlun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut serta seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1998.

Setelah mengkaji dan mengupas secara terperinci isi kandungan ucapan Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan semasa membentangkan belanjawan negara bagi tahun depan, saya rasa terpegun dan bangga atas langkah dan pendekatan kerajaan dalam usaha menangani musibah ekonomi yang melanda negara ini sekarang dan tindakan positif kerajaan untuk terus memakmurkan Malaysia, negara yang kita kasihi tanpa membebankan rakyat miskin dan berpendapatan rendah.

Syabas saya ucapkan kepada Kerajaan Barisan Nasional dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana belanjawan yang dibentangkan

oleh Yang Amat Berhormat pada hari Jumaat, 17 Oktober yang lepas adalah satu belanjawan yang baik dan amat sesuai dengan keadaan negara yang kini berhadapan dengan satu masalah ekonomi ekoran serangan ke atas Ringgit Malaysia oleh penyangak kewangan dan konco-konconya yang kita semua telah ketahui.

Tindakan penyangak-penyangak ini menyerang Ringgit dan pasaran saham Kuala Lumpur sebenarnya kerana iri hati dan rasa dengki atas kejayaan Kerajaan Malaysia pimpinan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan rakan-rakan seperjuangan Kabinet Barisan Nasional yang telah beberapa tahun kebelakangan ini berjaya meletakkan Malaysia pada persada kemakmuran yang membuka mata dunia.

Saya amat bangga kerana dalam masa kerajaan berhadapan musibah ekonomi dan dalam keadaan nilai Ringgit yang mengecut, Kerajaan Barisan Nasional masih mampu melaksanakan tanggungjawabnya dan terus menunaikan janji-janjinya dengan menyediakan satu peruntukan yang besar kepada kegiatan-kegiatan membasmi kemiskinan serta bidang sosial yang lain seperti pendidikan dan kesihatan untuk rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua ahli Dewan yang mulia ini untuk melupakan sebentar fahaman politik, terutama barisan pembangkang, dan pada masa yang sama, hendaklah berhenti serta-merta sikap suka menuding jari kepada orang lain apabila sesuatu perkara yang kurang menyenangkan berlaku seperti apa yang dapat kita lihat dan rasai sekarang. Marilah kita bulatkan tekad dan satukan suara memberi

sokongan tanpa berbelah bahagi kepada pucuk pimpinan negara dalam mengatasi kegawatan ekonomi ekoran anasir-anasir luaran yang tidak senang hati dan bertindak gelojoh tanpa berhati perut itu semata-mata untuk menjayakan agenda kotor mereka bagi memastikan Malaysia dan negara-negara membangun di rantau ini menderita dan sekali gus terus menjadi negara yang tidak boleh bersuara dan menjadi pak turut kepada mereka.

Dalam masa negara menikmati ekonomi yang membanggakan dan suasana pelaburan yang amat menggalakkan sehingga negara berjaya melahirkan begitu ramai tokoh korporat dan pelabur yang mampu bersaing dan menembusi arena antarabangsa, mereka berjaya meluaskan perniagaan dan pelaburan masing-masing di seluruh dunia menjadikan nama Malaysia harum dan contoh terutama di negara sedang membangun kerana dapat membantu merencanakan pembangunan di negara-negara berkenaan. Dalam lain perkataan, tidak wujud lagi sempadan perniagaan dan pelaburan bagi tokoh-tokoh korporat dan syarikat di negara ini.

Bagaimanapun, pada masa negara mula mengorak langkah dan bersiap sedia untuk menjadi sebuah negara perindustrian mengikut acuan dan nilai-nilai Malaysia sendiri yang kita yakin dan dunia juga bersetuju bahawa Malaysia boleh menjayakan wawasannya itu, kita diserang nilai Ringgit menjadi lemah, bursa saham terus terjejas, rakyat mula rasa bahangnya, segala perancangan awal terpaksa diubah atau ditangguhkan, tuduhan dan cemuhan mula terdengar, jari-jari mula menuding, ini semua perlu dikawal serta-merta bila rakyat

menjadi gelabah. Jika ini berlaku, ia meruncingkan lagi keadaan, maka ketawa besarlah penyangak-penyangak ekonomi kerana agenda mereka berjaya.

Jangan biarkan penyangak-penyangak ketawa, jangan sekali-kali kita semua rasa gelabah, jangan kita gentar. Marilah kita semua dalam Dewan yang mulia ini bersatu kata, membulat tekad, melupakan fahaman politik, hentikan politicking, dan marilah kita sama-sama berganding bahu, meluahkan fikiran, pengalaman dan tenaga serta tulus ikhlas membantu kerajaan menangani kemelut yang dihadapi negara dan rakyat sekarang kerana tindak tanduk anasir-anasir dari luar.

Saya kini ingin mengajak dan menyarankan kepada tokoh-tokoh korporat dan pelabur-pelabur kita yang sekarang menumpukan perniagaan mereka di luar negara untuk kembali bergiat di negara ini dan bagi membolehkan yang juga berniat untuk mengikut kawan-kawan menerokai perniagaan dan pelaburan di luar negara, tangguhlah dahulu hasrat itu dan sebaliknya tumpukan kegiatan di dalam negara. Dengan menumpukan pelaburan dan mempergiatkan perniagaan di dalam negara ini sendiri, ia dapat membantu merancakkan ekonomi negara.

Sebenarnya Malaysia masih memerlukan banyak lagi pelaburan dalam bidang dan sektor yang begitu ketara pergantungannya kepada pengimportan seperti pertanian, pembuatan, pemprosesan makanan dan perkhidmatan pertanian. Kita semua tahu bahawa setiap tahun beribu-ribu juta ringgit terpaksa dibelanjakan untuk membeli makanan dari luar negeri. Makanan ternakan sahaja jumlahnya menggerunkan. Dasar pertanian telah beberapa kali

diubah, tetapi negara masih bergantung kepada bekalan luar. Pembekalan makanan ternakan berasaskan jagung sahaja sudah mencukupi untuk pelabur kita menerokainya. Mengapa begitu kecil bilangan pelabur negara ini berminat dalam sektor ini? Adakah ia tidak menguntungkan atau tidak mempunyai kepakaran dalam bidang ini? Yang terlibat dalam sektor ini pun adalah secara kecil-kecilan atau sederhana sahaja.

Sektor perladangan kita hanya bertumpu kepada getah dan kelapa sawit. Mengapa tidak dipelbagaikannya dan dimulakan dengan tanaman jagung secara estet ataupun secara komersial.

Alat ganti atau spareparts. Malaysia kini berjaya menjadi sebuah negara pengeluar kenderaan. Kita megah, kita bangga dengan Proton Saga, Iswara, Perdana, Putra, Kancil, Rusa, Tiara dan Kriss serta lain-lain lagi. Jalan-jalan raya sesak dengan pelbagai jenama kenderaan bermotor, baik kereta mahupun motosikal, lori, bas dan jentera-jentera berat berbagai-bagai bentuk dan rupa. Kenderaan ini memerlukan alat-alat ganti tetapi amat kurang sekali bekalan alat gantian yang sangat-sangat diperlukan. Beribu-ribu juta ringgit pertukaran asing negara ini mengalir ke luar negara untuk mendapatkan bekalan alat ganti, bukan sahaja bagi alat-alat gantian tulen tetapi jumlah besarnya juga bagi yang tiruan atau ciplak.

Dahulu kita hanya mampu menjadi pemasang kenderaan, kini kita langkah setapak lagi sebagai pengeluar kenderaan dan kita masuk pula ke era baru mengeluarkan kapal terbang ringan tetapi masih jauh ketinggalan dalam sektor-sektor mengeluarkan alat ganti.

Penerbangan Malaysia atau MAS sahaja membelanjakan beratus-ratus juta ringgit setahun untuk alat ganti bagi membaik pulih pesawat-pesawatnya. Pada Belanjawan 1998, kerajaan dengan jelas dan tegas menyatakan perlunya pengurangan mengimport dalam langkah mengawal defisit akaun semasa negara, mengurangkan import kereta mewah, jentera berat dan bahan-bahan binaan adalah satu langkah yang baik. Ini satu langkah yang amat baik dan petanda pertama mulanya penglibatan serius negara dalam meningkatkan membekal keperluan diri dari dalam negeri sendiri. Negara ini bukan sahaja mempunyai kepakaran dan kemampuan dalam sektor pengeluaran alat ganti, tetapi yang lebih penting ialah pemasaran yang menanti begitu pesat sekali. Selain dari membekal permintaan tempatan, alat-alat gantian buatan Malaysia ini nescaya dapat menembusi pasaran negara-negara jiran dan rantau ini yang juga kuat bergantung kepada negara-negara pengeksport seperti Jepun, Taiwan, Jerman dan Amerika.

Perkhidmatan dan Pelancongan. Bagi saya, dua sektor ini adalah amat penting sekarang terutama dalam masa negara menghadapi kemelut ekonomi. Industri pelancongan negara kita kebelakangan ini begitu meluas diberi perhatian, bukan sahaja oleh Kerajaan Pusat dan kerajaan-kerajaan negeri malah sektor swasta serta pelabur luar negara juga begitu giat penglibatannya. Sejak negara melancarkan Tahun Melawat Malaysia yang pertama pada tahun 1990, industri pelancongan tidak lagi menoleh kebelakang. Sejak 7 tahun berturut-turut hasil penukaran negara daripada sektor pelancongan sentiasa meningkat. Tahun lepas, ianya menduduki tangga kedua ke atas daripada segi

pendapatan peruntukan pertukaran asing negara selepas sektor pembuatan. Sungguhpun tahun lepas negara melihat penurunan jumlah ketibaan pelancong sebanyak 4.4%, daripada 7.4 juta orang kepada 7.1 juta orang, tetapi daripada segi pendapatan pula, negara menikmati peningkatan sebanyak 13.3% daripada tahun 1995, iaitu daripada RM9.9 bilion kepada RM11.2 bilion. Ini menunjukkan dengan jelas sekali bahawa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia untuk memikat pelancong bermutu mula berhasil. Atas kejayaan industri ini, kerajaan telah meletakkan sasaran peningkatan ketibaan sebanyak 10% setahun bagi menjayakan matlamat ketibaan pelancong sejumlah 12.5 juta orang dengan membawa pulangan sebanyak RM15.8 bilion pada tahun 2000.

Sehubungan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan terima kasih kepada kerajaan kerana pada Belanjawan 1998 ini sebanyak RM174 juta telah diperuntukkan bagi memajukan industri pelancongan negara. Adalah menjadi sasaran kerajaan untuk melihat 10.5 juta ketibaan pelancong pada tahun depan berbanding 9.6 juta pada tahun ini. Kerajaan yakin daripada jumlah ketibaan pelancong pada tahun depan itu akan dapat pulangan sebanyak RM14 bilion berbanding RM11.3 bilion pada tahun ini.

Kerajaan juga ingin melihat peningkatan promosi pelancongan domestik dengan memperuntukkan sebanyak RM19 juta bagi pembinaan hotel-hotel kos sederhana dan memperbaiki rumah-rumah rehat kerajaan. Sebanyak RM19 juta lagi diperuntukkan bagi penyediaan kemudahan untuk pelancong termasuk

pembersihan pantai-pantai, kemudahan asas di kawasan-kawasan pelancongan dan penyediaan tapak-tapak khemah. Jika kita kaji secara terperinci hasrat kerajaan itu jelas menunjukkan bahawa betapa seriusnya kerajaan dalam memaju dan membangunkan sektor kemesraan ini.

Dalam masa negara menghadapi kemelut ekonomi, jerebu turut melanda negara, selepas penyakit virus coxsackie dan virus penyakit mulut dan kuku, adalah amat penting bagi negara ini mempertingkatkan lagi kempen-kempen promosi Mengenali Malaysia di pasaran-pasaran antarabangsa, serantau dan domestik. Sektor industri adalah sektor yang begitu sensitif. Pelancong tidak akan datang ke negara ini jika keadaan negatif, penyakit, cuaca kurang baik, keselamatan terancam, bencana alam dan ketidakstabilan politik wujud. Adalah penting bagi kerajaan untuk terus membantu dan memberi sokongan padu dan jitu dalam industri ini dan sektor-sektor lain yang mempunyai daya maju serta mampu memberi pulangan yang tinggi kepada ekonomi negara.

Dengan ini saya ingin sarankan apa jua pemotongan peruntukan sebagai langkah jimat cermat kerajaan, ia hendaklah juga memberi pertimbangan timbal balas berdasarkan formula untung rugi terhadap negara. Jika sektor pelancongan dikenali sebagai sektor yang sentiasa untung, adalah wajar peruntukannya dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi bahawa kerajaan tidak mengetepikan kepentingan industri pelancongan kerana pelbagai galakan diberi daripada prasarana asas hinggalah pembangunan fizikal, tetapi yang malangnya menimpa negara ini ialah sikap kurang bertanggungjawab untuk tugas

penyelenggaraan (maintenance) kemudahan-kemudahan yang disediakan itu. Saya ingin menyeru kerajaan-kerajaan negeri, kerajaan-kerajaan tempatan, semua ahli Dewan yang mulia ini serta seluruh rakyat di negara ini untuk sentiasa prihatin dengan masalah ini. Tidak gunanya kerajaan membekalkan pelbagai kemudahan dengan kos yang begitu banyak, tetapi dalam sekelip mata sahaja ia telah menjadi usang, kotor dan tidak boleh digunakan lagi oleh sebab kelemahan bidang penyelenggaraan. Begitu juga.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung.

Dato Haji Hanafi bin Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai wakil rakyat Jerlun adalah menjadi tanggungjawab saya untuk mengemukakan masalah yang dihadapi oleh penduduk kawasan pilihan raya yang tersorok dan tersisih daripada kerancangan pembangunan negara. Saya tidak berniat untuk meminta kerajaan mendirikan menara berkembar di Jerlun ataupun lapangan terbang antarabangsa ketiga, tetapi sebagai kawasan yang majoritinya penanam padi dan kedudukan tanah pula berhampiran dengan laut, sudah tentu ramai penduduk di Jerlun memerlukan bantuan dan sokongan kerajaan.

Saya juga bukan berniat untuk melahirkan masyarakat subsidi di kawasan saya, sebaliknya berusaha untuk menjadikan penduduk kampung contoh yang mempunyai semangat waja yang sanggup menghadapi apa juga saingan dan cabaran di samping mampu berdikari. Usaha ini tidak akan ke mana perginya kalau sekadar air liur sahaja. Dengan ini saya memohon agar Jerlun juga diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri Kedah bagi

projek-projek ekonomi yang membolehkan penduduk tempatan turut serta di samping membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak muda tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan 1998 yang saya yakin dapat memulihkan semula ekonomi serta memperkukuhkan kembali nilai Ringgit Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sungai Benut.

6.05 ptg.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Dewan yang mulia ini kerana turut memberikan kesempatan kepada saya untuk turut serta bagi membahaskan Ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan juga selaku Timbalan Perdana Menteri bagi tahun 1998.

Rasanya tidak terlalu lewat kepada saya untuk menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan atas pendirian dan keberanian beliau yang telah membentangkan belanjawan yang buat pertama kalinya selepas lapan tahun dengan jadam, akar bakawali, peria yang mana barangkali ada ramuan akar kayu yang sememangnya pahit untuk ditelan, tetapi barangkali ubat yang paling serasi untuk menyembuhkan atau sekurang-kurangnya mengkebahkan demam yang ada pada hari ini, yang kita deritai selama ini berbeza dengan belanjawan tahun-tahun yang terdahulu yang penuh dengan gula dan madu.

Tuan Yang di-Pertua, setelah hampir 10 tahun kita mengecap nikmat kemakmuran ekonomi dan limpahan kemewahan, hari ini kita didatangi sedikit musibah yang bermula dengan masalah jerebu yang melanda negara kita, diikuti dengan kejatuhan nilai mata wang dan juga kesuraman pasaran saham yang tidak tentu bila akan berakhirnya. Tetapi saya percaya dengan apa yang berlaku adalah ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang mahu melihat sejauh manakah tahap kesyukuran hambaNya, seperti firman Allah di dalam surah Ibrahim, Ayat 7 yang bermaksud: *“Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur, Aku akan tambahkan nikmatmu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur, engkar, sesungguhnya azabKu amatlah pedih”*.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan untuk mengetatkan dasar fiskal dan dasar kewangan bagi memulihkan ekonomi negara perlu diberikan sokongan yang sewajarnya untuk semua lapisan masyarakat, sama ada yang menyokong kerajaan ataupun yang menentang kerajaan ataupun terdiri daripada pihak pembangkang. Walaupun dasar-dasar yang diperkenalkan ini akan menimbulkan sedikit kegusaran kepada masyarakat, tetapi pelaksanaannya perlulah disegerakan. Tumpuan perlu diberikan untuk memastikan agar nilai mata wang Ringgit kita pulih kepada keadaan asal ataupun sekurang-kurangnya dekat dengan yang asal.

Saya menyokong langkah kerajaan untuk memastikan peraturan berhubung dengan perniagaan mata wang dapat dikaji semula bagi memastikan agar kepentingan negara-negara yang membangun akan dapat dipelihara. Di samping itu, bagi memastikan agar mata wang Ringgit dapat dipulihkan dengan

kadar yang segera, usaha perlu dilakukan untuk membendung pengimportan barang-barangan yang tidak perlu di mana ia merupakan salah satu punca utama yang menyebabkan berlakunya defisit dalam imbangan pembayaran negara. Pada masa yang sama, kerajaan perlu bertindak dengan lebih tegas lagi ke atas pengusaha-pengusaha yang sengaja mengimport barangan-barangan yang boleh diperolehi di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini, usaha-usaha berterusan perlu dilaksanakan untuk menarik kehadiran lebih ramai pelajar daripada luar negara ke negara kita. Promosi-promosi berterusan perlu dilakukan untuk memastikan Malaysia dipilih oleh pelajar-pelajar tersebut untuk melanjutkan pelajaran. Pada masa yang sama, kerajaan perlu mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negara, khususnya di dalam bidang pengajian yang boleh diikuti ataupun yang boleh didapati di negara ini. Ini sedikit sebanyak akan membantu mengecilkan jurang defisit yang dialami oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan nilai Ringgit sudah pasti sedikit sebanyak akan menyebabkan harga barangan yang diimport akan meningkat. Ianya secara tidak langsung akan menyebabkan harga barangan makanan, khususnya yang pada masa kini diimport dengan kuantiti yang agak banyak, akan meningkat. Sehubungan itu, saya juga suka mencadangkan agar kerajaan mengambil langkah yang lebih pragmatik untuk membangunkan industri makanan di negara ini. Usaha-usaha yang lebih berkesan perlu dilaksanakan

untuk memastikan agar barangan keperluan harian seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ikan, daging dan sebagainya boleh diperolehi oleh rakyat dengan harga yang lebih munasabah. Di samping itu, tumpuan juga perlulah diberikan untuk memastikan agar sektor perikanan laut dalam di dalam negara ini dapat dieksploitasikan dengan sebaik mungkin.

Walaupun kita menyedari bahawa sumber perairan negara kita kaya dengan pelbagai jenis hasil perikanan, tetapi amatlah menyedihkan kerana kita terpaksa membayar dengan harga yang mahal untuk mendapatkannya. Kita juga mendapati bahawa banyak ikan yang didapati di laut kita telah dihantar terutamanya ke negara jiran yang mana ini menyebabkan rakyat kita cuma mendapat ikan yang kualitinya kurang baik dan juga rakyat kita terpaksa menanggung harga ikan dengan lebih mahal kerana daya saing ataupun daya beli daripada negara jiran kita lebih tinggi, terutama pada ketika ini pertukaran wang kita jatuh dengan begitu mendadak dan hasil tangkapan itu terus dihantar ke negara jiran. Jadi rakyat di negara kita terutamanya di Johor, harga ikan begitu tinggi dan melambung yang mana sudah tentu akan membebankan kepada golongan miskin ataupun golongan yang berpendapatan rendah. Sehubungan itu, dengan ini kerajaan perlu mengkaji semula Dasar Pertanian Negara agar turut mengambil kira kepentingan sektor perikanan di dalam pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, saya menyokong langkah kerajaan menambahkan bilangan bumiputera kelas

menengah. Walaupun begitu, saya beranggapan bahawa definisi mengenai bumiputera kelas menengah perlu dikaji semula dan ianya perlu mengambil kira pendapatan benar ataupun kuasa beli atau dengan izin, purchasing power dan bukan hanya berdasarkan kepada pendapatan semata-mata. Ini penting untuk memastikan kita tidak cepat untuk berpuas hati dengan pencapaian yang kita perolehi dalam membangunkan golongan kelas menengah. Ini penting kerana definisi kelas menengah bumiputera yang kita gunakan sekarang adalah menggunakan pendapatan yang diperolehi, iaitu di sekitar RM1,000 hingga RM3,000 dan ianya tidak mencerminkan tahap kehidupan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan jangka pendek dan langkah jangka panjang perlu dilaksanakan untuk memastikan kewujudan bumiputera kelas menengah bukan hanya atas belas ihsan kerajaan semata-mata. Agensi-agensi kerajaan dan badan-badan pelaksana perlulah memainkan peranan yang lebih aktif untuk memastikan hasrat kerajaan untuk menambah bilangan bumiputera kelas menengah ini akan menjadi kenyataan. Program-program meliputi program pembangunan vendor, francais, pembiayaan perniagaan dan sebagainya perlulah dimanfaatkan dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dimaklumkan baru-baru ini, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan sewaktu menjawab soalan di Parlimen menyatakan kaum bumiputera hanya memiliki 5.7% sahaja premis-premis perniagaan yang terdapat di Lembah Kelang. Ini merupakan satu jumlah yang amat kecil berbanding dengan bilangan bumiputera yang ada di

negara kita. Jadi persoalannya, adakah kerajaan berpuas hati dengan bilangan pemilikan premis perniagaan oleh bilangan bumiputera.

Di manakah perginya peranan UDA di dalam memastikan bilangan premis perniagaan akan dapat dimiliki oleh bumiputera? Barangkali jawapan yang diberikan nanti adalah sekadar sejumlah statistik yang akan menunjukkan pencapaian cemerlang UDA dalam membangunkan premis-premis perniagaan dan juga keuntungan tahunan UDA yang kian tahun meningkat. Tetapi pada masa yang sama, UDA tidak seharusnya mengabaikan tanggungjawab sosialnya dalam membangunkan usahawan bumiputera atau adakah mungkin UDA sekadar berpuas hati untuk melihat penjaja-penjaja bumiputera sekadar menempel berniaga menjual burger, goreng pisang ataupun air tauhu di kaki lima ataupun di bangunan-bangunan yang dibangunkan oleh UDA atau adakah kita berbangga melihat peniaga-peniaga Melayu sekadar boleh berniaga laksa atau sate di lorong-lorong di tepian jalan ataupun kadang-kadang dikejar oleh DBKL kerana tidak mempunyai lesen perniagaan yang sah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya agensi-agensi yang terlibat haruslah berganding bahu, diadakan satu persefahaman untuk membangunkan golongan peniaga-peniaga khususnya di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan kaum bumiputera tidak sekadar melihat bangunan-bangunan perniagaan kerana tidak berkemampuan untuk membelinya, saya ingin mencadangkan agar kerajaan mewujudkan satu dana yang akan digunakan bagi membolehkan bumiputera sama ada untuk menyewa

ataupun membeli premis-premis perniagaan yang terletak di kawasan yang strategik. Dana ini boleh digunakan sama ada untuk membeli bangunan-bangunan yang dimajukan oleh UDA ataupun pemaju-pemaju swasta.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam membangunkan lebih ramai usahawan bumiputera tetapi apa yang berlaku sekarang ialah badan ini yang menjadi pesaing kepada usahawan bumiputera yang baru memulakan perniagaan. Sehubungan itu, saya juga mencadangkan agar dijalankan satu kajian untuk membolehkan kita mengenal pasti peranan yang perlu dimainkan oleh perbadanan-perbadanan kemajuan ekonomi negeri dalam membantu membangunkan usahawan bumiputera. Kewujudan agensi-agensi ini perlulah diperlihatkan sebagai pelengkap dan bukannya sebagai pesaing kepada usahawan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, kesungguhan Malaysia dalam membangunkan Multimedia Super Corridor merupakan satu perkembangan yang amat membanggakan. Diharapkan melalui MSC, Malaysia akan mampu menjadi sebuah negara model, iaitu sebuah negara kecil yang berupaya untuk menguasai teknologi maklumat. Kejayaan kita untuk membangunkan Multimedia Super Corridor ini sudah tentu akan turut menyediakan pelbagai peluang ekonomi dan pekerjaan yang seharusnya boleh direbut oleh usahawan-usahawan bumiputera. Menyedari hakikat ini, saya ingin mencadangkan agar usahawan-usahawan bumiputera diberikan pendedahan yang secukup-cukupnya tentang bidang-bidang yang boleh dimanfaatkan sesuai dengan kepakaran masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, mengerjakan fardu haji adalah merupakan tuntutan bagi setiap orang Muslim. Kesan dari kejatuhan nilai mata wang Ringgit ini telah menyebabkan kos untuk menunaikan fardu haji telah meningkat dan sepertimana yang dimaklumkan baru-baru ini, kos ini tidak akan dapat ditampung oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji sekiranya nilai Ringgit tidak kembali pulih pada masa yang terdekat. Saya percaya sebahagian daripada bakal jemaah kita terdiri daripada golongan yang miskin, golongan yang berpendapatan rendah yang telah berjimat cermat mengumpul sejumlah besar daripada pendapatan mereka semata-mata untuk menunaikan tanggungjawab rukun yang kelima, iaitu fardu haji. Sudah tentu sekiranya berlaku kenaikan kos di dalam mengerjakan haji, ini adalah merupakan satu beban yang amat berat bagi mereka.

Sehubungan itu, saya berharap sekiranya kos untuk mengerjakan fardu haji untuk tahun hadapan meningkat, Lembaga Urusan dan Tabung Haji bolehlah menyerapkan kenaikan tersebut ataupun biarlah kenaikan ini ditanggung oleh bakal jemaah haji dengan kadar yang munasabah. Ini adalah kerana sudah banyak keistimewaan dan juga peluang perniagaan dan saham-saham khas telah diperuntukkan kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji semasa ekonomi kita berkembang selama 8 tahun. Daripada laporan yang telah kita tahu bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah mendapat keuntungan yang begitu baik, maka inilah masanya pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji perlu memberikan sedikit sebanyak sumbangan subsidi kepada

mereka yang telah begitu lama setia menyimpan ataupun yang telah lama berurusan dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua, tatkala negara kita menghadapi krisis kejatuhan nilai mata wang, kita melihat kematangan penduduk negara kita sewaktu media-media asing sibuk menuding jari menuduh kepimpinan negara adalah punca daripada kejatuhan nilai Ringgit. Kita mendapati bahawa rakyat kita perlu bersatu untuk memberikan keyakinan, perangsang serta dorongan kepada Perdana Menteri untuk meneruskan agenda yang lebih penting untuk meneruskan cita-cita membangunkan Malaysia mengikut agenda kita. Serangan media asing seharusnya dilihat bukan lagi sebagai misi untuk menjatuhkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tetapi ianya adalah merupakan misi untuk menghancurkan kita semua. Inilah yang ditunjukkan oleh rakyat kita, kematangan berpolitik dan kematangan rakyat ala Malaysia haruslah kita perkukuhkan lagi dengan perpaduan yang telah lama kita jalinkan selama ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan ialah berhubung dengan pengusaha-pengusaha kereta-kereta limosin yang mana walaupun selama hari ini pengusaha-pengusaha kereta limosin ini telah berpangkalan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang yang mana kita dimaklumkan bahawa satu syarikat telah diberikan khusus untuk mengusahakan limousin di satu tempat apabila Kuala Lumpur International Airport beroperasi kelak yang mana dijangkakan pada awal tahun hadapan. Jadi, saya ingin meminta supaya Kementerian Pembangunan Usahawan yang telah memberikan

lesen kepada satu syarikat ini supaya dapat menentukan bahawa pengusaha-pengusaha yang telah lama memberikan sumbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang diberikan peluang untuk bersama-sama dapat beroperasi di tempat yang baru, iaitu di Kuala Lumpur International Airport nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan kerana saya mendapat memorandum daripada pihak pengusaha-pengusaha atau pemandu-pemandu limousin ini, mereka telah dibiarkan. Mengikut mereka, mereka telah ditinggalkan dan kereta-kereta limosin mereka ini dijadikan sebagai teksi di Bandaraya Kuala Lumpur sahaja. Jadi saya mengharapkan supaya pihak ini dapat mengkaji semula, dapat memberikan pertimbangan yang sebaik mungkin kerana jasa mereka yang selama hari ini beroperasi walaupun agaknya kurang baik, kita harus memikirkan mereka dan insya-Allah, mereka akan meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Belanjawan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan.

6.25 ptg.

Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Belanjawan 1998 telah dirangka di dalam keadaan suasana ekonomi negara dan dunia yang kini penuh dengan cabaran dan bergelora khususnya di pasaran-pasaran saham dan BSKL tidak ketinggalan. Nilai Ringgit kita juga telah menjunam mendadak dan sudah tentu ini mempunyai kesan yang amat serius terhadap pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita mengakui bahawa fundamental ekonomi kita adalah baik tetapi persoalannya ialah kenapakah dengan tiba-tiba ekonomi negara telah menjunam sejak akhir-akhir ini. Saya rasa tidak ada ertinya kita mempersoalkan siapa yang menyebabkan ini semua, oleh kerana cukup jelas bahawa bukan hanya Malaysia sahaja yang menghadapi masalah ini bahkan di seluruh rantau Asia dan juga dunia kini sama-sama merasai masalah ekonomi.

Yang penting sekarang ialah kerajaan dan juga rakyat mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengatasi masalah ini. Sudah tentu beberapa tindakan yang telah diambil oleh kerajaan setakat ini adalah wajar untuk mentstabilkan keadaan ekonomi negara. Namun, beberapa langkah yang telah diambil oleh kerajaan akan mempunyai kesan yang boleh memburukkan keadaan lagi. Misalnya, tindakan untuk memperolehi pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada para peminjam. Di dalam keadaan sekarang sudah tentu nilai sekuriti yang diberi kepada bank-bank ataupun institusi kewangan telah merosot dengan begitu mendadak. Kalau di dalam keadaan demikian, sudah tentu apa yang diperolehi oleh pihak institusi kewangan melalui penjualan sekuriti itu banyak perbezaan dengan apa yang diperolehi dengan hutang sebenar. Jadi, sudah tentu bukan sahaja bank dan pihak institusi kewangan akan mengalami masalah tetapi lebih dahsyat akan dirasai oleh para peminjam.

Jadi, pihak kerajaan di dalam hal ini perlulah berhati-hati oleh kerana ada kemungkinan besar negara akan menghadapi recession ataupun depression

dan seterusnya keadaan ekonomi kita akan lebih terdedah kepada ancaman yang pelbagai rupa. Kemungkinan besar pasaran barangan kita di luar negara juga akan merosot. Jika keadaan itu berlaku, sudah tentulah perkembangan ekonomi kita juga akan merosot. Dalam menangani masalah seperti ini, memang amat gawat untuk kerajaan. Adalah kena pada masanya jika rakyat dan juga pemimpin-pemimpin kerajaan khususnya kakitangan kerajaan haruslah berhati-hati di dalam menjalankan tugas masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang amat kita banggakan ialah tindakan kerajaan untuk memberi bonus kepada kakitangan kerajaan walaupun dibayar dua kali, tetapi ianya adalah satu penghargaan kepada sumbangan kakitangan kerajaan kepada pembangunan negara. Apa yang penting sekarang ialah pihak kakitangan kerajaan haruslah berhati-hati untuk mengurus pentadbiran supaya lebih cekap dan produktif supaya negara kita tidak akan terus menderita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat diminta sambung besok.

Tuan Yunof Edward Marinking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

